

BAB VII

ZA'BA DALAM ARUS PERKEMBANGAN PEMIKIRAN TENTANG KEMAJUAN MELAYU

Mukadimah

Di dalam bab ini, perhatian akan tertumpu kepada penggaluran perkembangan pemikiran tentang kemajuan Melayu, terutamanya yang berkaitan dengan aspek sosial, ekonomi dan politik mereka. Sungguhpun kajian ini memberi tumpuan utama kepada pemikiran Za'ba, tetapi perkembangan pemikiran dalam aspek-aspek tersebut, termasuk yang berlaku di zaman sebelum keterlibatan Za'ba secara serius di dalam lapangan penulisan, akan diperkatakan juga. Ini akan diikuti dengan membuat suatu penilaian terhadap perkembangan pemikiran yang berlaku sezaman dengan Za'ba. Tujuan utamanya ialah untuk memudahkan kita membuat suatu penilaian tentang sumbangan pemikiran Za'ba dalam hubungannya dengan arus aliran perkembangan pemikiran tentang kemajuan Melayu, seperti yang berlaku di dalam kedua-dua zaman tersebut.

Untuk mencapai matlamat itu, pemikiran yang terkandung di dalam tulisan Abdullah Munsyi¹ dan majalah Al-Imam² (1906-1908) akan dijadikan asas untuk memulakan perbincangan dalam bab ini. Tujuannya ialah untuk melihat sejauhmanakah pemikiran Za'ba tentang kemajuan Melayu itu berupa suatu kelainan atau suatu penerusan kepada arus aliran pemikiran yang berlaku lebih awal dari zamannya sendiri.

Suatu tumpuan khas akan dilakukan untuk mengkaji pemikiran Abdul Majid Zainuddin.³ Ini akan dilihat dari sudut persamaan dan perbezaan dengan pemikiran Za'ba dalam hubungannya dengan perkembangan sosial, ekonomi dan politik di dalam pengertiannya yang luas. Dengan berlatarbelakangkan perbincangan itu, huraian seterusnya akan dihalakan untuk memperkatakan arus perkembangan pemikiran yang berlaku akibat dari peranan yang dimainkan oleh Za'ba dalam hubungannya dengan sumbangan yang diberikan oleh majalah serta akhbar Melayu dan persatuan-persatuan Melayu. Ini termasuklah menilai peranan guru-guru Melayu, wartawan serta beberapa individu tertentu

-
1. Abdullah Bin Abdul Kadir Munsyi (1796-1854) dilahirkan di Melaka dalam keluarga berketurunan Arab dan India. Kelahiran serta zaman dewasanya bertepatan dengan satu zaman peralihan penting di Tanah Melayu. Kuasa British sudah bertapak kukuh di Pulau Pinang, Singapura dan Melaka. Beliau mendapat pendidikan bahasa Tamil, Melayu dan Arab serta agama Islam yang baik pada zamannya dan memperlihatkan minat yang mendalam dalam ilmu bahasa Melayu. Beliau berjaya menjalin ikatan persahabatan yang baik dengan beberapa pegawai British, termasuk golongan mubaligh Kristian kerana pernah menjadi kerani dan Munsyi (guru bahasa Melayu) kepada mereka. Tulisannya tentang adat serta beberapa kelemahan Melayu dan negeri Melayu serta mengenai pegawai British dan keluarga mereka amat perseptif sekali. Ini dapat dilihat dalam karyanya seperti Hikayat Abdullah dan Kisah Pelajaran Abdullah. Untuk mengetahui lebih lanjut tentangnya, lihat R.A. Datoek Besar & R. Roolvink (eds.), Hikayat Abdullah, Djakarta: Penerbitan Djambatan, 1953; Abdullah Bin Abdul Kadir Munshi, Kisah Pelayaran Abdullah, Singapura: Malaya Publishing House Ltd., 1961 dan; H.F.O'B. Traill, "An Indian Protagonist of the Malay Language, Abdullah Munshi, His Race and His Mother-tongue", JMBRAS, Vol. LII, Pt. 2, 1979, hlm. 67-83.
 2. Untuk keterangan lanjut mengenainya, lihat Bab I kajian ini.
 3. Untuk biografi ringkasnya, lihat Bab I kajian ini.

seperti akan dibincangkan nanti.

Di samping itu, disebabkan kerajaan kolonial British adalah faktor yang paling berpengaruh di dalam segala perkembangan yang berlaku di Tanah Melayu sehingga tercapainya kemerdekaan pada 1957, maka peranan mereka, terutamanya di dalam mencorakkan arus perkembangan politik Tanah Melayu akan diberikan perhatian juga.

Abdullah Munsyi dan Al-Imam

Sumbangan pemikiran Abdullah Munsyi dijadikan asas untuk memulakan perbincangan dalam bab ini kerana beliau telah memulakan satu tradisi 'baru' dalam bidang penulisan yang menggunakan bahasa Melayu. Ini adalah merujuk kepada isi atau kandungan di dalam tulisannya. Dari segi bahasanya, Abdullah menggunakan "bahasa sehari-hari", manakala perkara yang diperkatakan pula menyentuh "peristiwa yang benar-benar berlaku di sekitarnya tanpa mencampuradukkannya dengan mitos, unsur-unsur ghaib dan dongeng-dongeng". Ia "sudah berpijak ke bumi nyata", iaitu berbicara tentang manusia biasa dan rakyat jelata. Selain itu tulisannya juga mengandungi "satu unsur baru" yang lain, iaitu "mencatitkan apa yang dilihatnya dan diketahuinya, tapi ia memberikan pula pendapat dan komentarnya tentang apa yang dilihat dan dialaminya itu".⁴

Sungguhpun dari segi bentuknya, karya Abdullah masih bersifat tradisional, seperti menggunakan syair serta hikayat dan penggunaan "bahasa sehari-hari", yang sebenarnya adalah bahasa pasar, iaitu tidak

4. Lihat Abu Bakar Hamid (ed.) Diskusi Sastera, Jld. 2, hlm. 6-7.

seperti bahasa yang didapati dalam Sejarah Melayu, tetapi kepentingan sumbangan beliau bukanlah dinilai dari sudut tersebut. Pembaharuan dari segi isinya telah dijadikan ukuran utama, khususnya dari sudut sejarah perkembangan kesusasteraan Melayu. Faktor ini telah menyebabkan beliau diberikan gelaran sebagai Bapa Kesusasteraan Melayu Moden oleh sarjana tempatan.

Di antara isi penting dari pemikiran, Abdullah itu ialah memperkatakan tentang masalah kemunduran orang Melayu dari segi rohani dan jasmaninya. Ini termasuklah kelemahan dari segi pelajaran dan ilmu (termasuk ilmu bahasa) serta sikap dan nilai yang terdapat dalam masyarakat Melayu. Selain itu beliau memperkatakan pula tentang adat serta perilaku raja-raja dan pembesar Melayu. Penulisannya pula bersifat kritis, provokatif dan emotif. Ini dapat dilihat di dalam Hikayat Abdullah dan Kisah Pelayaran

-
5. Ibid. Lihat juga H.F.O'B. Traill, "An Indian Protagonist of the Malay Language", hlm. 78-81. (Tulisan ini mengandungi perbincangan yang menarik tentang "bazaari Malay" Abdullah).
 6. Lihat Ismail Hussain, The Study of Traditional Malay Literature, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1974. Tetapi terdapat pendapat lain yang menonjolkan Hamzah Fansuri sebagai tokoh yang lebih menepati ciri-ciri seorang Bapa Kesusasteraan Melayu Moden itu. Lihat Syed Naguib Al-Attas, Islam Dalam Sejarah Dan Kebudayaan Melayu, Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1972, hlm. 46. Untuk perbincangan lebih mendalam mengenai Hamzah Fansuri, lihat Syed Naguib Al-Attas, The Mysticism of Hamzah Fansuri, Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 1970.
 7. Dua sarjana tempatan telah menghuraikan beberapa nilai sosial yang terdapat di dalam karya Abdullah itu. Di antaranya, Abdullah dikatakan menganjur pemikiran keadilan sosial, kemanusiaan, rasionalisme, individualisme, kesamarataan, kebebasan, reformasi, kemajuan dan pembangunan manusia serta kepemimpinan seperti yang difahami dan dituntut oleh Islam. Lihat Shahrudin Maaruf, Malay Ideas on Development, hlm. 24-25 dan; Hanapi Dollah, "Abdullah Munsyi Sebagai Seorang Islam Yang Berani", Jurnal Sejarah Melaka, (Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia, Cawangan Melaka) Bil. 9, 1985. hlm. 53.

Abdullah.

Seorang penulis pernah menyifatkan Abdullah sebagai "pemikir Islam, tetapi juga sebagai pemikir yang radikal". Tetapi aspek keislaman Abdullah, menurutnya, sengaja dikesampingkan oleh golongan orientalis dan para sarjana tempatan yang sealiran dengan pemikiran itu.⁹ Sungguhpun pendapat penulis itu tentang keradikalan pemikiran Abdullah adalah berasas, terutama apabila dilihat dari sudut perkembangan sosio-politik di zaman Abdullah sendiri, tetapi pemberian label sebagai "pemikir Islam" tanpa menjelaskan ciri-ciri yang jelas tentangnya adalah sukar untuk diterima. Abdullah tidak boleh digolongkan ke dalam kumpulan gerakan Kaum Muda seperti Za'ba dan Syed Sheikh Al-Hadi.

Idea-idea serta kandungan di dalam karya Abdullah mempunyai banyak persamaan dengan pemikiran Za'ba, walaupun Za'ba sendiri pernah mengkritik penggunaan tulisan Abdullah sebagai buku teks di sekolah Melayu seperti dibincangkan dalam bab yang lalu. Perbezaan yang menonjol hanyalah dari segi sikap keduanya terhadap British. Abdullah memperlihatkan sanjungannya yang jelas terhadap British, khususnya terhadap beberapa pegawai British yang pernah bersahabat dengannya seperti Stamford Raffles, hingga Abdullah pernah dilabelkan sebagai "Pengkagum Barat" oleh seorang sarjana tempatan.¹⁰ Aspek yang penting di sini ialah Za'ba telah memperpanjangkan tradisi

-
8. Lihat juga tulisan Zainal Abidin Borhan, "Pemikiran Abdullah Munsyi Dan Ibrahim Munsyi Mengenai Orang Melayu", Kertas kerja Seminar Kebangsaan: Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia, 16-18 Disember 1994.
 9. Lihat Hanapi Dollah, "Abdullah Munsyi Sebagai Seorang Islam Yang Berani", hlm. 33. Beliau berpendapat bahawa pemikiran "Abdullah lebih radikal dari Hamzah Fansuri", tetapi penilaian para sarjana terhadap karya Abdullah lebih banyak berdasarkan kepada nilai-nilai Barat dan bukannya berasaskan Islam. Pada pendapat Hanapi, sarjana tempatan itu termasuklah Syed Muhammad Naguib Al-Attas dan Ismail Hussein.
 10. Sidek Haji Fadzil, "Pemikiran Barat Moden - Sikap Para Cendekiawan Muslim", hlm. 135.

kritikan seperti yang terdapat di dalam tulisan Abdullah itu hingga mencakupi kedudukan dan pentadbiran kerajaan kolonial British juga.

Pemikiran Abdullah yang radikal itu tidak memberi kesan kepada persekitarannya. Ciri-ciri pembaruannya tidak dituruti oleh penulis-penulis sezaman. Manakala zaman selepas Abdullah pula diikuti oleh "masa kosong",¹¹ iaitu terputus dengan penulis-penulis lain,¹² walaupun sudah lahir beberapa akhbar Melayu sejak 1876 hingga awal kurun kedua puluh.

Sungguhpun kandungan akhbar pada zaman awal itu sudah dapat "melepaskan diri dari sifat penyampaian berita", iaitu sudah mula mengandungi ruangan "Surat Kiriman" serta ruangan mengenai "perkara-perkara yang menarik hati mengenai masyarakat",¹³ tetapi dari segi isinya, belumlah mencapai tahap perbincangan kritis tentang masyarakat seperti dimulakan oleh Abdullah. Ini hanya berlaku apabila lahirnya Al-Imam.

Al-Imam telah menyeru orang Melayu dan Muslim supaya "bangun dari tidur" dan menilai kedudukan diri sendiri dalam hubungan mereka dengan keadaan dunia yang sudah banyak berubah dewasa itu. Ciri-ciri penulisan Abdullah yang bersifat kritis, tajam, dan penuh sendirian telah memenuhi lembarannya. Aspek kemunduran sosial, ekonomi dan politik orang Melayu telah dijadikan tema penting dalam tulisan-tulisan yang termuat di dalamnya, tetapi kesemuanya itu dilihat dari perspektif kerangka pemikiran Islam yang sangat jelas. Ini membezakan Al-Imam dengan Abdullah. Walaupun begitu, pengarang Al-Imam pernah memberi penghargaan kepada sumbangan

11. Ini adalah merujuk kepada akhbar seperti Jawi Peranakan, (1876-1855), Nujumul-Fajar (1877-?), Jajahan Melayu (1896-1897) dan Bintang Timor (1900). Untuk keterangan lebih lengkap, lihat W.R. Roff, Bibliography of Malay and Arabic Periodicals, hlm. 29-31.

12. Lihat A. Bakar Hamid, Diskusi Sastera, Jld. 2, hlm. 112-114.

13. Ibid., hlm. 112. Untuk perbincangan lanjut mengenai kandungan akhbar Melayu pada zaman tersebut, lihat Ahmat Adam, Sejarah dan Bibliografi Akhbar dan Majalah Melayu Abad Kesembilan Belas, Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, 1992, hlm. 81-89.

pemikiran Abdullah. Di dalam sebuah rencananya, Al-Imam menyeru supaya pembacanya meninggalkan adat yang kolot dan karut seperti terlalu memuliakan raja dan pembesar seperti dihuraikan oleh Kisah Pelayaran Abdullah, kerana semua itu "pendeknya merepek" sahaja.¹⁴ Ini bermakna Al-Imam juga bersikap anti-golongan pembesar dan raja-raja Melayu.

Seruan itu adalah suatu komplemen dan pengiktirafan terbuka Al-Imam terhadap sumbangan pemikiran kritis Abdullah, tetapi Al-Imam tidak berhenti setakat itu sahaja. Ia telah mengkritik golongan ulama serta kerajaan kolonial British sendiri, selain golongan raja dan pembesar Melayu. Ketiga-tiga golongan di atas, pada kaca mata Al-Imam adalah bertanggungjawab di dalam memundurkan orang Melayu di dalam segala lapangan kehidupan mereka.

Sungguhpun Al-Imam hidup selama dua tahun sahaja (1906-1908), tetapi kelahirannya telah meletakkan satu landasan yang kukuh dari segi menjadikan media massa sebagai alat untuk meneruskan suatu wadah perjuangan, terutamanya dari segi perkembangan intelektual. Ini dapat dilihat dari percambahan penerbitan akhbar dan majalah, di satu pihak dan penglibatan golongan guru dan wartawan di satu pihak yang lain di dalam mencari jalan penyelesaian kepada berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu kemudiannya. Za'ba bolehlah dikatakan sebagai salah seorang individu yang lahir selepas zaman Al-Imam, tetapi telah berusaha bersungguh-sungguh untuk meneruskan semangat perjuangan Al-Imam dalam usaha untuk memajukan bangsanya berdasarkan kerangka pemikiran yang diasaskan oleh majalah itu.

14. Lihat Al-Imam, 27.9.1908. Dipetik dari Abdullah Haji Jaafar, "Al-Imam", Khoo Kay Kim (ed.), Lembaran Akhbar Melayu, hlm. 29.

Peranan Al-Imam sebagai jurucakap terawal gerakan reformis Islam di Tanah Melayu sudah diakui oleh ramai sarjana. Radin Soenarno telah merujuk kepada zaman dari 1906 (iaitu tarikh kelahiran Al-Imam) hingga 1926 dalam sejarah perkembangan politik di Tanah Melayu sebagai tahap keagamaan. Ini adalah berdasarkan kejayaan golongan Kaum Muda di dalam memberikan kepemimpinan kepada orang Melayu, terutama dari segi sikap politik mereka.

Sungguhpun tesis Radin Soenarno itu kurang tepat, tetapi ia dipopularkan oleh W.R. Roff kemudiannya. Pengaruh Islam terhadap kesedaran politik atau sebagai teras yang kuat mempengaruhi pemikiran politik bangsa Melayu, tidaklah semakin merosot seperti ditanggapi oleh dua penulis di atas. Malah W.R. Roff sendiri, di dalam menggalurkan perkembangan Sahabat Pena dari 1934 hingga 1942 amat menyedari akan pemikiran yang mendasari perjuangan golongan tersebut, iaitu reformis

-
15. Bermula dengan tulisan Radin Soenarno, "Malay Nationalism 1900-1945", JSEAH, Vol. I, No. 1, March 1960, hlm. 1-28 dan diikuti oleh W.R. Roff, The Origins (1967), penulis-penulis lain, hingga masa terkini, masih mengakui akan hakikat tersebut. Lihat umpamanya, Husin Mutalib, Islam In Malaysia, From Revivalism To Islamic State, Singapore: Singapore University Press, 1993; Ibrahim Bin Abu Bakar, Islamic Modernism in Malaya (1994) dan; Mohd Sarim Mustajab, "Gerakan Isiah Islamiyah di Malaysia", Kertas Kerja Seminar Kebangsaan, Melaka Dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia, 16-18 Disember, 1994 di Melaka.
 16. Tahap kedua ialah dari 1926-1936, iaitu dikatakan tahap perjuangan sosial dan ekonomi. Ini adalah bertepatan dengan penubuhan Kesatuan Melayu Singapura (1926) yang kemudiannya melebarkan pengaruhnya ke Semenanjung Tanah Melayu juga. Walaupun aspek agama masih diperkatakan pada zaman itu, tetapi persoalan sosial dan ekonomi Melayu dikatakan menjadi lebih penting. Ketiga, ialah tahap politik (1937-42). Ia bertitik tolak dari tarikh penubuhan Kesatuan Melayu Muda (sebenarnya tertubuh pada 1938). Perjuangan politik melalui parti politik telah menjadi semakin ketara. Lihat Radin Soenarno, "Malay Nationalism, 1900-1945", hlm. 9-14.
 17. Lihat W.R. Roff, The Origins. Di dalam edisi kedua penerbitannya, beliau masih tidak berganjak dari tesis asal itu. Lihat The Origins of Malay Nationalism, (2nd Edition), Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1994.

Islam, tetapi telah mengabaikan faktor itu apabila ia menerima pakai pendapat Radin Soenarno.

Pengaruh British

Za'ba adalah produk zaman pemerintahan British di Tanah Melayu. Begitu juga dengan Abdullah Munsyi, Sheikh Tahir Jalaluddin, Syed Sheikh Al-Hadi, Abdul Majid Zainuddin serta ramai individu Melayu lain, yang mana pemikiran dan peranan mereka akan disentuh secara langsung dan tidak langsung dalam perbincangan seterusnya.

Mereka adalah anak zaman yang bukan sahaja menawarkan diri untuk membicarakan berbagai masalah sezaman, tetapi berusaha untuk meletakkan asas, sama ada dari segi positif atau negatifnya, menurut pendirian masing-masing, untuk membina suatu masa hadapan yang lebih bermakna kepada orang Melayu amnya. Tetapi kehadiran British, seperti dijelaskan lebih awal, adalah faktor yang paling banyak mempengaruhi perkembangan tersebut.

Beberapa dasar sosial, ekonomi dan politik British banyak memainkan peranan dalam menentukan arus aliran perkembangan kemajuan Melayu itu. Satu aspek yang perlu dijelaskan di sini ialah tentang perpaduan orang Melayu, terutama dari kurun ke-19 hingga awal kurun ke-20. Mereka lebih

-
18. Malah Roff menggunakan tajuk "The Reformists and The Brotherhood of Pen Friends" di dalam perbincangannya mengenai kegiatan Sahabat Pena. Lihat W.R. Roff, The Origins, hlm. 212-221.
 19. Untuk kritikan terbaru tentang tesis W.R. Roff itu, lihat Abdul Aziz Mat Ton, "Gerakan Kiri dan Proses Politik Di Malaysia", Konvensyen Kebangsaan Sejarah Malaysia, 16-18 Ogos 1994, Jabatan Sejarah Universiti Malaya dan Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia, di Melaka dan Khoo Kay Kim, "Nasionalisme Melayu c. 1919-1941: Suatu Tatapan Semula", Seminar Kebangsaan Nasionalisme Dan Pembangunan Di Malaysia 15.11.1994, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.

dikenali sebagai rakyat sultan atau raja di sesebuah negeri. Ini menyebabkan orang yang bukan berasal di sesebuah negeri, tidak dilahirkan di negeri itu dan tidak diakui sebagai rakyat oleh sultan atau raja di negeri berkenaan, tidak dianggap sebagai Melayu 'jati' di sesebuah negeri Melayu di Semenanjung Tanah Melayu.

Orang Melayu 'jati' dari Pahang yang menetap di Perak misalnya, tidak dianggap Melayu Perak. Kalau seseorang itu berasal dari kepulauan Melayu lain, seperti orang Minangkabau, Boyan, Rawa, Jawa, Aceh, Mendahiling, Kerinci, Bugis dan lain-lain, maka mereka dianggap sebagai orang 'dagang' sekiranya mereka menetap di mana-mana negeri di Semenanjung.

Di dalam huraianya mengenai perkara ini, Abdul Majid Zainuddin pernah menyamakan istilah 'dagang' dengan imigran atau 'pendatang'. Menurutnya, ramai imigran Melayu dari Hindia Timur Belanda telah menetap di koloni British di Pulau Pinang, Singapura, Melaka dan berikutnya, di Negeri-negeri Melayu Bersekutu serta Johor. Jumlah mereka di Tanah Melayu menjelang akhir 1920-an dianggarkan 1,000,000. Jumlah itu, menurutnya adalah kira-kira 50% dari penduduk Melayu keseluruhannya. Seterusnya, beliau berkata:

At any rate, in the Federated Malay States as well as in Johore, it will be found these "foreign" Malays preponderate over the "original" Malays; and there is reason to believe that if the Dutch had not imposed certain restrictions against emigration ... the number of "foreign" Malays would have been

21

far greater than it is.

Masalah perpaduan Melayu se-Tanah Melayu pada awal abad ke-20 bukanlah terhalang kerana tiadanya penyatuan di antara orang 'dagang' dengan orang 'asal', tetapi terpisah juga lantaran adanya faktor berlainan negeri. Ini

20. Lihat juga Khoo Kay Kim, Malay Society, Transformation and Democratisation, Petaling Jaya: Pelanduk Publications (M) Sdn. Bhd., 1991, hlm. 177.

21. Lihat Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 64.

menyebabkan orang Melayu di Semenanjung dikenali mengikut negeri asal mereka. Sementara orang 'dagang' itu pula dikenali berasaskan tempat asal mereka seperti orang Bugis, orang Banjar, orang Jawa dan sebagainya.

Di peringkat awal kedatangan mereka, bahasa dari tempat asal masing-masing telah digunakan, tetapi secara beransur-ansur, mereka telah mula mempelajari bahasa Melayu kerana keperluan untuk hidup bersama dengan orang Melayu. Anak mereka seperti juga anak Melayu lain, dikehendaki oleh undang-undang untuk memasuki sekolah Melayu dan setelah bahasa Melayu dikuasai dengan baik, kesannya ialah "the foreign Malay whether he be orang Bugis, or orang Acheh, orang Boyan ... prefer always to be called an orang Melayu".²²

Selain itu, terdapat juga persamaan di antara orang Melayu dengan golongan tersebut. Bentuk tubuh badan serta warna kulit mereka adalah sama, dan menganuti fahaman agama yang sama pula, iaitu Islam. Ini menyebabkan Abdul Majid berkata bahawa faktor-faktor tersebut "will pave the way for an ultimate assimilation of the various tribes or clans of these 'foreign' Malays; and thus will be built up the Malay Nation in Malaya".²³

Disebabkan kerajaan kolonial British tidak mempunyai "preferential treatment for the 'original' Malays of the rayat class over the 'foreign'

22. Ibid., hlm. 67.

23. Ibid. Untuk gambaran lebih jelas tentang proses asimilasi golongan ini dari berbagai aspek, lihat Paul H. Kratoska (ed.) Penghijrah dan Penghijrahan, Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia, hlm. 1-126; Khazin Mohd. Tamrin, Orang Jawa di Selangor, Penghijrahan dan Penempatan 1880-1940, Kuala Lumpur: Dewan bahasa dan Pustaka, 1984 dan; Adnan Haji Nawang, "Persepsi Sepintas Lalu Haji Abdullah Hukum Mengenai beberapa Aspek Sejarah Selangor", Adnan Haji Nawang & Mohd. Fadzil Othman (eds.), Selangor, Sejarah dan Proses Pembangunannya, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah University Malaya dan Musium Sultan Alam Shah Selangor, 1992, hlm. 158-165 (mengisahkan pengalaman hidup Haji Abdullah Hukum, berasal dari Kerinci, terlibat dalam pembukaan beberapa kawasan baru di Kuala Lumpur dari 1850-an, dan berakhir dengan menjadi pembesar tempatan di Selangor hingga meninggal pada 1943).

Malays in any way whatever", maka terdapatlah peluang untuk golongan ini memasuki bukan saja sekolah Melayu, malah sekolah Inggeris dan seterusnya memasuki perkhidmatan kolonial. Contoh terbaiknya ialah pengalaman Za'ba dan Abdul Majid Zainuddin (akan dibincangkan dengan lebih lanjut kemudian).

Walaupun sistem pendidikan Melayu yang bersifat universal di Tanah Melayu (termasuk Singapura), hanya kekal pada tahap sekolah rendah sahaja, tetapi secara tidak langsungnya telah memberi rahmat yang tersembunyi kepada proses perpaduan Melayu itu amnya. Sistem ini, bukan saja menyediakan kurikulum yang hampir sama untuk semua sekolah Melayu, tetapi terpentingnya, menggunakan bahasa Melayu yang baku pada zaman tersebut. Proses yang sama berlaku di Sabah dan Sarawak, serta di Brunei.

Sejak 1922, terdapat pula Sultan Idris Training College (SITC). Ia bukan saja menjadi pusat untuk melatih guru-guru Melayu dari semua negeri di Semenanjung tetapi membuka peluang untuk pelatih guru dari Singapura, Sabah, Sarawak dan Brunei untuk memasukinya. Di SITC pula terdapat Biro

24. Lihat Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 65.

25. Pada 1909 terdapat Jabatan Pelajaran di bawah Syarikat Berpiagam di Sabah, tetapi pihak mubaligh sudah mula membuka sekolah di sana sejak akhir kurun ke-19 lagi. Bahasa Melayu diajarkan di sekolah anak tempatan. Di Sarawak pula, pendidikan Melayu bermula dengan kelas Quran pada pertengahan kurun yang sama. Sekolah Melayu kerajaan dibuka pada 1883. Untuk perbincangan lanjut, lihat Anwar Sullivan & Cecilia Leong (eds.), Commemorative History Of Sabah 1881-1981, Kota Kinabalu: The Sabah State Government, 1981, hlm. 467-476; Mohd Noor Long, Perkembangan Pelajaran Di Sabah, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1982 dan; Sabihah Osman, Perkembangan Pelajaran Bumiputera Sarawak, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990.

26. Sekolah Melayu pertama dibuka pada 1914. Permintaan untuk mendapat pendidikan meningkat. Pada 1925 suku kaum bukan Melayu turut memasukinya. Pada 1930, Brunei menghantar pelajar untuk mendapat latihan perguruan di SITC, Tanjung Malim. Untuk perbincangan lanjut, lihat Jatswan Singh, "Sejarah Sosio-Ekonomi Brunei Semasa Residensi British, 1906-1959", Kajian Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1988/89, hlm. 122-149.

27. Untuk gambaran lebih jelas tentang taburan penuntut mengikut negeri di SITC dari 1934-1938, lihat Awang Had Salleh, Pelajaran dan Perguruan Melayu, hlm. 95.

Penterjemahan yang memberi tumpuan untuk membakukan bahasa Melayu melalui penerbitan buku, seperti buku ilmu bahasa dan buku-buku teks untuk kegunaan semua sekolah Melayu dari negeri tersebut. Za'ba dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan tugas itu seperti dijelaskan lebih awal.

Kesan terpenting dari pemusatan pentadbiran pendidikan, sama ada dari segi latihan perguruan, berpandukan kepada kurikulum yang hampir sama, penggunaan buku teks yang sama, serta pembakuan bahasa Melayu itu, ialah lahirnya perasaan kekitaan di antara pelajar maktab dan lulusan sekolah Melayu juga kemudiannya. Sungguhpun pelajar di SITC tinggal di asrama berasingan mengikut negeri masing-masing, seperti Asrama Perak, Asrama Selangor dan sebagainya, tetapi bibit penyatuan Melayu sudah tertanam dan benteng pemisahan sosial mengikut negeri semakin terhakis sedikit demi sedikit.

Di dalam perkembangan yang selari, pendidikan melalui sekolah Inggeris juga telah sedikit sebanyak memberikan kesempatan yang hampir sama kepada anak Melayu di dalam menghakiskan jurang pemisahan sosial mengikut negeri itu. Contoh terbaiknya ialah Malay College Kuala Kangsar (MCKK). Walaupun sejak tertubuh dari 1905 hingga awal 1930-an, institusi ini terkhas untuk anak aristokrat atau raja, tetapi kesempatan belajar di bawah satu bumbung oleh mereka, dari semua negeri di Semenanjung, telah membantu melahirkan perasaan kekitaan sesama sendiri pada peringkat sosial tersebut.

Sementara itu, terdapat pula sekolah Inggeris di kebanyakan bandar di Tanah Melayu. Pendidikannya bersifat universal dan British tidak pernah menyekat anak Melayu daripada memasukinya. Walaupun terdapat prasangka ibu

28. Usaha terawalnya bermula dengan penubuhan Maktab Perguruan Melayu Melaka (1900). Pelatih guru dari semua negeri di Semenanjung, termasuk Singapura mendapat latihan di situ. Pada 1920, jumlah penuntutnya ialah 70. Maktab ini ditutup pada 1922 kerana institusi yang lebih besar, iaitu SITC dibuka pada tahun yang sama. Untuk keterangan lanjut tentang maktab di Melaka, lihat *ibid.*, hlm. 39-47.

bapa Melayu untuk menolak pendidikan tersebut disebabkan adanya sekolah yang diusahakan oleh golongan Mubaligh Kristian, sikap itu berubah kemudiannya. Terdapat juga anak Melayu dari kawasan bandar, seperti Abdul Majid, dan dari kawasan pendalaman seperti Za'ba yang berjaya menamatkan pendidikan mereka melalui aliran tersebut.

Sungguhpun bilangan anak Melayu lulusan sekolah Inggeris jauh lebih rendah berbanding dengan lulusan sekolah Melayu, tetapi disebabkan taraf pendidikan mereka lebih tinggi, lulusannya yang bersimpati dengan berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu, terutamanya tentang kemunduran mereka, telah memberikan kepimpinan kepada masyarakat Melayu. Ini dapat dilihat melalui kegiatan sebilangan mereka menggembeling tenaga guru-guru Melayu, menerbitkan majalah Panduan Guru (1922-1923) dan Majalah Guru (1924-1942) dan menubuhkan serta menggerakkan Sahabat Pena (1934-1942). Kepentingan Sahabat Pena ini ialah organisasinya terdapat di seluruh Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sabah dan Sarawak. Ini adalah seperti pelajar di SITC juga. Lebih penting dari itu, ahli dalam organisasi ini bukan saja terkhas kepada orang Melayu dalam pengertian yang luas itu, tetapi termasuk juga golongan Melayu dari Darah Keturunan Arab (DKA) dan Darah Keturunan Keling (DKK).

Dari segi yang lain, pemusatan pentadbiran awam British di Kuala Lumpur yang membabitkan Perak, Selangor, Negeri Sembilan dan Pahang pada 1896, membawa kepada wujudnya Negeri-negeri Melayu Bersekutu, telah turut²⁹ menanamkan bibit-bibit penyatuan di antara negeri-negeri Melayu tersebut. Walaupun ini berlaku di peringkat rasmi, tetapi dengan adanya bibit-bibit penyatuan melalui pendidikan, lama kelamaannya kesedaran untuk bersatu se-Tanah Melayu telah menjadi semakin meningkat bermula pada 1920-an.

29. Lihat Khoo Kay Kim, Malay Society, hlm. 177.

Sungguhpun dasar pendidikan Melayu kerajaan kolonial British tidak dirancang untuk melahirkan cerdik pandai Melayu, dan dasar pentadbirannya pula tidak disusun secara sedar untuk mewujudkan perpaduan Melayu se-Tanah Melayu, tetapi proses itu berlaku secara tidak langsungnya.

Abdul Majid Zainuddin

Perbincangan tentang pemikiran Za'ba dalam hubungannya dengan pemikiran Abdul Majid Zainuddin (1887-1943) penting untuk diberikan tempat khas dalam kajian ini. Sebab utamanya adalah kerana Abdul Majid juga banyak memperkatakan tentang berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu melalui tulisan-tulisannya. Beliau beroperasi di dalam kerangka kolonial, tetapi Za'ba adalah di sebaliknya.

Abdul Majid adalah seorang penulis berbakat, sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris. Selain menulis rencana kepada akhbar dan menerbitkan majalahnya sendiri seperti Kemajuan Pengetahuan (1925) dan The Modern Light (1939-1941), beliau telah menghasilkan sebuah buku khas mengenai masalah tersebut. Ini dapat dilihat di dalam The Malays By One of Them (1928).³⁰ Selain itu, terselit di sana sini di dalam autobiografinya,

30. Tulisan ini boleh dianggap sebagai usaha pertama oleh anak Melayu untuk membincangkan berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dengan menggunakan bahasa Inggeris di dalam sebuah buku khas. Rekod ini hanya terpecah apabila Dr. Mahathir Mohamad (kini Perdana Menteri Malaysia) menerbitkan bukunya pada 1970. Lihat tulisan beliau, The Malay Dilemma, Singapore: Federal Publications, 1971. Mengenai kegiatan penulisan Abdul Majid yang lain itu, lihat penjelasan beliau dalam autobiografinya, W.R. Roff (ed.) The Wandering Thoughts, hlm. 62 dan 66. Rujukan seterusnya mengenai Abdul Majid adalah berdasarkan autobiografinya, kecuali dijelaskan sebaliknya.

The Wandering Thoughts Of A Dying Man (1941), beberapa pemikiran beliau tentang perkara yang sama.

Walaupun beliau lebih terkenal, terutama oleh generasi sezamannya, termasuk Za'ba, kerana jawatannya sebagai Pegawai Cawangan Khas Polis, dan bukan kerana tulisannya, tetapi pemikirannya penting untuk dibincangkan di sini. Ini adalah kerana pemikiran tersebut bolehlah dianggap sebagai mewakili satu golongan di dalam masyarakat Melayu yang lebih cenderung untuk mengekalkan status quo sosial, ekonomi dan politik di Tanah Melayu dalam erti kata yang luasnya. Ini bukanlah terkhas kepada zaman Abdul Majid sehingga meninggal (1943) sahaja, tetapi melewati zaman itu seperti akan dibincangkan nanti.

Dengan itu, perbincangan tentang pemikiran beliau dengan berlatarbelakangkan pemikiran Za'ba serta golongan atau individu lain, seperti akan dilakukan di bahagian akhir bab ini, akan memudahkan kita memahami arus aliran perkembangan pemikiran tentang kemajuan Melayu yang menjadi tema utama di dalam bab ini.

32

Za'ba dan Abdul Majid mempunyai banyak persamaan dan perbezaannya.

33

Kedua-duanya bukan anak Melayu 'jati', malah menurut seorang sarjana,

31. Penulisannya dilakukan oleh beliau pada September 1941, iaitu setelah bersara dari perkhidmatan polis. Tulisan ini diedit dan diberikan pengenalan oleh W.R. Roff pada 1978.

32. Perbincangan mengenai riwayat hidup Za'ba adalah berdasarkan Bab I kajian ini.

33. Bapa kepada Za'ba berketurunan Bugis dan ibunya berketurunan Minangkabau, manakala ibu bapa Abdul Majid adalah dari keturunan Minangkabau. Maksud 'jati' ialah merujuk kepada orang Melayu asal di sesuatu negeri. Misalnya, di negeri Perak anak Melayu 'jati' adalah mereka yang berasal dari negeri itu dan diakui sebagai rakyat oleh Sultan negeri tersebut. Oleh itu orang yang berasal dari Minangkabau, walaupun dilahirkan di salah sebuah negeri di Semenanjung Tanah Melayu seperti Abdul Majid dan Za'ba masih dianggap sebagai anak 'dagang' di Perak. Ini dijelaskan oleh Abdul Majid sendiri, lihat W.R. Roff (ed.), The Wandering Thoughts, hlm. 80-84.

mereka adalah termasuk ke dalam golongan pendatang dari Indonesia. Kedua-dua ibu bapa mereka memberi keutamaan kepada pendidikan Islam dan mahu mereka menjadi ulama apabila dewasa, tetapi mereka menamatkan pendidikan di sekolah Inggeris, bukan di sekolah agama. Za'ba lulus sijil Senior Cambridge (1915), dan Abdul Majid memiliki sijil Junior Cambridge (1902).³⁵ Kedua-dua mereka bercita-cita untuk menjadi doktor perubatan, tetapi tidak kecapaian kerana berbagai masalah, termasuk tidak digalakkan oleh kerajaan kolonial British. Akhirnya mereka sama-sama memasuki perkhidmatan pendidikan kolonial sebagai guru. Za'ba bersara dengan jawatan yang sama, tetapi Abdul Majid hanya berada dalam perkhidmatan itu selama enam belas tahun (1907-1923) dan memasuki perkhidmatan Cawangan Khas Polis sehingga bersara pada 1941.

Selama beberapa tahun (1918-1923) Za'ba dan Abdul Majid bersahabat karib. Abdul Majid yang sejak 1907 menjadi guru di Malay College Kuala Kangsar (MCKK) telah membantu Za'ba untuk mendapatkan jawatan guru di situ untuk menggantikan tempatnya (1918). Apabila Abdul Majid tinggal di Matang, Perak, Za'ba sering bermalam di rumah sahabatnya itu, terutama semasa beliau mengikuti kursus latihan perguruan seperti dijelaskan di awal kajian ini.³⁶

Kedua-dua sahabat ini mempunyai cita-cita untuk membantu orang Melayu mencapai kemajuan di dalam kehidupan mereka. Cita-cita Za'ba

-
34. Lihat Ramlah Adam, "Keperibadian dalam Pengukuhan Sistem Politik Malaysia: Satu Pengalaman dalam Sejarah Malaysia", Kertas kerja Seminar Kebangsaan Melaka dalam Arus Gerakan Kebangsaan Malaysia, 16-18 Disember 1994, Melaka, hlm. 3-4.
 35. Mengenai cita-cita Abdul Majid, lihat W.R. Roff (ed.), The Wandering Thoughts, hlm. 47-48.
 36. Keikraban persahabatan mereka dapat dilihat dari surat yang dikirimkan di antara satu sama lain. Lihat surat Abdul Majid semasa di Matang, Perak kepada Za'ba di Malay College Kuala Kangsar pada 9.9.1919, 22.10.1919, 10.11.1919, 17.11.1919, 22.10.1919 dan 29.12.1919.

sudahpun dijelaskan lebih awal, manakala cita-cita Abdul Majid pula ialah untuk menjadi "a builder of a nation" bersesuaian dengan kerjaya awalnya sebagai seorang guru.³⁷

Abdul Majid juga adalah penyokong kuat kepada ajaran reformis Islam Kaum Muda anjuran Khwaja Kamaluddin. Beliau dan Za'ba pernah menjadi penganjur kepada kegiatan ceramah dakwah Khawja Kamaluddin di Taiping dan Kuala Kangsar, Perak seperti telah dijelaskan lebih awal.³³ Seperti juga Za'ba, Abdul Majid adalah ahli Ajuman-i-Islam yang ditubuhkan oleh Khwaja Kamaluddin di Singapura,³⁹ selain turut melanggan majalah rasmi gerakan itu di London, iaitu Islamic Review⁴⁰ dan menyumbangkan rencana kepada The Muslim,⁴¹ organ rasmi Anjuman-i-Islam, Singapura. Keterlibatan Abdul Majid dengan golongan itu telah menyebabkan beliau dicap oleh ulama konservatif di Tanah Melayu sebagai "kafir dan 'Melayu Qadiani'".⁴² Namun begitu, beliau tetap berpegang teguh kepada ajaran Kaum Muda yang mula dikenalnya

-
37. Lihat W.R. Roff (ed.) The Wandering Thoughts, hlm. 62.
38. Aspek ini telah diceritakan juga di dalam autobiografinya. Ibid., hlm. 133.
39. Nama Za'ba dan Abdul Majid tercatat dalam senarai 124 ahli pengasas Anjuman-i-Islam. Lihat The Muslim, Vol. I, No. 1, January 1922, hlm. 22-24.
40. Lihat W.R. Roff (ed.), The Wandering Thoughts, hlm. 13 dan 131.
41. Lihat Haji Abdul Majid, "Equality of Mankind in Islam", The Muslim, Vol. VI, No. 1, January-February 1927, hlm. 18-22.
42. Lihat W.R. Roff (ed.) The Wandering Thoughts, hlm. 135.

pada awal 1920-an itu hingga ke akhir hayatnya.

Sungguhpun mereka pernah bersahabat karib selama enam tahun (1918-1923) dan sama-sama terlibat di dalam gerakan Kaum Muda berhaluan India, tetapi persahabatan itu bertukar menjadi musuh yang ketat pula kemudiannya. Tanda-tanda awal dapat dikesan apabila Abdul Majid cuma menyokong perjuangan Kaum Muda anjuran Khwaja Kamaluddin dan tidak menyertai perjuangan Za'ba, Syed Sheikh Al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin di dalam gerakan Kaum Muda tempatan yang bergerak aktif di Tanah Melayu ketika itu. Ini disebabkan Abdul Majid menganggap golongan itu sangat bahaya kerana mereka "could move the populace to fanaticism, like their prototype the Mullahs in India and Afghanistan".⁴⁴

Faktor yang memutuskan tali persahabatan mereka itu mempunyai kaitan dengan kerjaya Abdul Majid selaku Pegawai Cawangan Khas Polis bermula pada 1924. Kesan terawal yang dirasakan oleh Za'ba ialah apabila Abdul Majid mematikan penubuhan The Malay Literary Association yang diusahakan oleh Za'ba pada 1924. Pada 1930-an Abdul Majid berusaha pula untuk melemahkan Sahabat Pena seperti dijelaskan lebih awal. Ini menjadikan permusuhan di antara mereka sukar diatasi lagi.

Apabila Abdul Majid menulis autobiografinya pada 1941, beliau masih

43. Ini dapat dilihat melalui tulisan-tulisan beliau di dalam majalah The Modern Light, (1939-1941) yang diasaskan bersama dengan anak sulungnya Abdul Latif di Johor Bahru. Sungguhpun anaknya adalah editor rasmi, tetapi beliau bertanggungjawab mengendalikan penerbitannya. Tujuan penerbitannya ialah: "Devoted to the material and spiritual welfare of the Malay in particular and of the Malayan Muslims in general". Abdul Majid telah mencipta rekod lagi. Kalau dahulunya (1928) beliau adalah orang pertama menerbitkan buku mengenai masalah Melayu dalam bahasa Inggeris, pada 1939, beliau menerbitkan pula majalah di dalam bahasa yang sama. Katanya, ini adalah "The First and only Malay organ in English". Untuk keterangan lanjut mengenai tulisan beliau dalam majalah ini, lihat The Modern Light, Vol. 1, No. 1, 1359 A.H. hingga Vol. I, No. 12 1360 A.H. Lihat juga W.R. Roff (ed.), The Wandering Thoughts, hlm. 2.

44. Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 90.

menyimpan rasa permusuhan itu. Ini dapat dirasakan di dalam beberapa rujukannya terhadap pemikiran dan kegiatan sosio-politik Za'ba. Dalam huraian mengenai tujuan penubuhan The Malay Literary Association oleh Za'ba itu, beliau berkata, tujuan Za'ba cuma untuk membakukan ejaan dan tata bahasa Melayu sahaja.⁴⁵ Tetapi, tujuan sebenar Za'ba adalah lebih luas dari itu seperti dibincangkan sebelum ini.

Selain itu, Abdul Majid mengakui bahawa beliau sudah lama tidak bertemu dengan Za'ba, tetapi "formed my opinion of him from his articles that appeared in the Malay papers". Kesimpulan beliau tentang Za'ba pada 1941, ialah:

[T]he articles of Zainalabidin [sic] which had struck me to be very sensible were really the views and opinions of many Johore leaders of thought in whose company he moved He certainly does not know much Malay But that was not all: he entirely severed his connection or friendly relation with us as if he
46
never lived and moved among us all his life!

Za'ba juga turut menyimpan rasa marahnya terhadap Abdul Majid kerana beberapa tindakan beliau membuat laporan sulit, bukan saja terhadap dirinya, tetapi terhadap organisasi yang diusahakan atau disertai oleh Za'ba. Perasaan ini pernah diluahkan oleh Za'ba kepada Abdul Majid di dalam surat beliau kepadanya. Di antara kandungannya, ialah:

When I first made your acquaintance 25 years ago, I was under the impression that you were a great man, or at least had the making of, or the promise of becoming, one. But as the years went by I began to realise my mistake and to discover that you are in reality a very small, selfish, mean and despicable
47
individual.

45. Lihat W.R. Roff (ed.), The Wandering Thoughts, hlm. 123.

46. Ibid., hlm. 107.

47. Lihat surat Za'ba, Syonon-to [Singapura] kepada Abdul Majid, 8.10.2602 [1942] (surat ini asalnya bertulis tangan, tetapi ditaip oleh Za'ba pada 3.11.1944).

Seterusnya Za'ba menjelaskan bahawa beliau sentiasa mengelak daripada bertemu atau mempunyai sebarang hubungan dengan Abdul Majid. Sekiranya Abdul Majid menulis sesuatu yang tidak baik tentang dirinya kepada akhbar, katanya, beliau akan menjawab tulisan itu "with the contempt it deserved". Di akhir suratnya itu, Za'ba berkata:

In any case, I can never forget and forgive the unprovoked attack and the various false accusations you made on me in the papers. This will be my last word to you in this world. You go your way, and I go mine. Let God be the judge who between us has been the bully and who the bullied, and who will be really
48
great.

Sungguhpun kedua-dua mereka mempunyai cita-cita yang sama, iaitu untuk memajukan orang Melayu seperti dijelaskan di atas, tetapi telah berakhir dengan permusuhan yang serius. Kerjaya Abdul Majid banyak mempengaruhi pemikirannya. Sementara Za'ba pula tetap berpegang teguh kepada perjuangannya seperti telah dihuraikan dalam beberapa bab yang lalu. Ini menyebabkan timbulnya jurang pemisah yang sangat luas di dalam pemikiran di antara keduanya. Jurang tersebut akan menjadi semakin jelas setelah dibincangkan beberapa pemikiran Abdul Majid sendiri berhubung dengan masalah yang dihadapi oleh orang Melayu amnya. Ini akan dilakukan seterusnya.

Pemikiran Abdul Majid mengenai Islam di Tanah Melayu, misalnya hanya menyentuh aspek-aspek yang tidak kontroversial seperti dilakukan oleh Za'ba. Apabila beliau membincangkan tentang "pengaruh Islam dan pendakwahnya", tumpuan beliau ialah kepada sejarah awal kedatangan Islam ke rantau ini.⁴⁹ Perkara yang paling menarik mengenai Islam, menurut Abdul

48. Ibid.

49. Lihat Haji Abdul Majid, The Malays in Malay, hlm. 17-23.

Majid, ialah "the future of Islam", tapi aspek yang diutamakan ialah mengenai zakat, fitrah, riba dan poligami. Ini dikatakan ajaran Islam
50
sebenar yang semakin terhakis dengan perkembangan zaman.

Walaupun beliau faham keburukan kolonialisme dengan mengatakan bahawa orang Sepanyol di zaman keagongannya "enslaved other nations" dan mereka lupakan bahawa "the conquered nations have the right to live and enjoy God's bounties as much as themselves", tetapi ia tidak menarik persamaannya dengan keadaan di Tanah Melayu dewasa itu. Di sebaliknya dijelaskan bahawa
51
di dalam Islam terdapat ibadat Haji di mana persaudaran Islam terjalin.

Apabila Abdul Majid menerbitkan majalah The Modern Light (1939-1941), pemikiran Islam yang dipercayai dapat disalurkan melalui majalah tersebut, ialah:

To remind each other to the ways of Islam is the duty of every Muslim. Every one with any spark of the Divine Faith in him should make it a point in his life, therefore, to enlighten his fellow-men with the true spirit of Islam in every way possible to him, and thus only can we hope, as a nation, to advance and progress in the proper Light the God in His Mercy wills it and so set the example to the world of the beautiful social
52

structure divinely schemed in Islam.

50. Lihat W.R. Roff (ed.), The Wandering Thoughts, hlm. 21.

51. Lihat Haji Abdul Majid, "Equality of Mankind", The Muslim, Vol. VI, No. 1, Jan.-Feb. 1927, hlm. 21. Semasa beliau menulis rencana ini, ia banyak menggunakan pengalamannya sebagai Pegawai Urusan Haji di Mekah. Sebenarnya, tanggungjawab Abdul Majid sebagai Pegawai Cawangan Khas Polis, selain mengawasi kegiatan politik orang Melayu di Tanah Melayu, adalah juga seorang pegawai khas untuk urusan Haji itu. Tugas ini dilakukan selama enam bulan di Tanah Melayu dan enam bulan seterusnya pada setiap tahun (1924-1942), berada di Mekah untuk mengawasi setiap kegiatan jemaah Tanah Melayu di sana. Untuk mendapat gambaran tentang kegiatannya di Mekah, lihat W.R. Roff, "The Conduct of the Haji From Malaya, and the First Malay Pilgrimage Officer", SARI (No. 1, Terbitan Tak Berkala, Institut Bahasa Kesusasteraan Dan Kebudayaan Melayu), Kuala Lumpur: Universiti Kebangsaan Malaysia, 1974, hlm. 81-112. Lihat juga tulisan Abdul Majid, "A Malay Pilgrimage to Mecca", JMBRAS, Vol. IV, 1926, 269-287.

52. The Modern Light, Vol. I, No. 1, hlm. 8.

Abdul Majid sangat berhati-hati di dalam penulisannya. Ini mungkin ada kaitan dengan kerjayanya kerana sebarang rencana beliau mestilah mendapat kebenaran pegawai atasannya terlebih dahulu sebelum disiarkan.⁵³ Beberapa pemikirannya yang lain, turut memperlihatkan ciri-ciri tersebut. Ini dapat dilihat dalam pemikiran pendidikan, ekonomi dan politik beliau.

Di dalam aspek pendidikan untuk orang Melayu, pemikiran Abdul Majid didapati tidak berbeza dengan golongan kolaborator Melayu dan pegawai kolonial British seperti dibincangkan dalam Bab III. Walaupun beliau sedar⁵⁴ bahawa "their salvation is, of course, Education", dan "I was convinced that education is the only step towards civilisation, in its best sense".⁵⁵ tetapi dasar pendidikan kolonial British di Tanah Melayu dewasa itu, dari kaca mata beliau, sudah lebih dari memadai dan sangat baik untuk orang Melayu.

Menurutnya, kerajaan kolonial British telah mendirikan sekolah Melayu di serata ceruk rantau Tanah Melayu, terdapat pula banyak sekolah Inggeris, termasuk MCKK dan kolej latihan guru. Selain itu kerajaan kolonial telah memilih anak-anak Melayu yang cerdas untuk memasuki sekolah Inggeris di bandar-bandar, dan setelah ada kelulusan, diberikan pula "pangkat memerintah". Ini termasuklah "yang berpangkat pegawai penjajahan" seperti menjadi majistret, pegawai tanah, "pegawai menasihatkan fasal pertanian", pegawai polis, pegawai kesihatan dan ada juga yang sudah menjadi doktor. Di

53. Ini dijelaskan oleh beliau sendiri. Lihat W.R. Roff (ed.), The Wandering Thoughts, hlm. 131. Manakala buku The Malays in Malaya itu pula "is presented as a humble token of sincere regard and respect from Haji Abdul Majid", kepada "His Excellency Sir Hugh Clifford, Governor of The Straits Settlements and High Commissioner For The Malay States". Lihat Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, halaman dalam kulit bukunya.

54. Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 105.

55. Lihat W.R. Roff (ed.), The Wandering Thoughts, hlm. 98.

samping itu, sudah ada dua tiga orang yang dihantar ke Eropah untuk menuntut "ilmu lawyer kononnya akan dilantik menjadi hakim" setelah tamat ⁵⁶ pengajian mereka.

Di samping itu, Abdul Majid juga mengakui kepentingan ilmu ketukangan seperti Za'ba, kerana ilmu itu "useful in preparing Malays for the various ⁵⁷ trade" yang terdapat di Tanah Melayu ketika itu. Pemikirannya agar orang Melayu tidak terlalu berharap untuk berkhidmat dengan kerajaan setelah ⁵⁸ tamat pendidikan mereka, juga selari dengan pemikiran Za'ba. Tetapi, beliau melahirkan rasa gelisahanya bahawa pada suatu masa nanti akan terdapat "too many English-educated Malays" di Tanah Melayu lantaran meningkatnya permintaan dari orang Melayu untuk mendapatkan pendidikan tersebut untuk anak-anak mereka. Menurut Abdul Majid "[it] will have to be seen whether they will become trouble-giving agitators, as in India or turn their energy into more useful channels by producing commodities for the ⁵⁹ community at large". Pemikiran ini bertentangan dengan pendapat Za'ba, tetapi memperlihatkan kesamannya dengan pemikiran Frank Swettenham, A.B. Collinge dan Raja Sir Chulan seperti dibincangkan terdahulu.

Seperti juga Za'ba, Abdul Majid mahukan supaya orang Melayu berusaha sendiri di dalam memajukan pendidikan mereka, iaitu melalui penyertaan aktif orang Melayu di dalam Syarikat Kerjasama. Perbezaan ketara di antara kedua mereka, ialah dari segi pendekatannya. Walaupun Za'ba menerima pada prinsipnya konsep Syarikat Kerjasama itu, tetapi sokongannya adalah kerana ketiadaan sikap membina oleh pihak pembesar serta raja-raja Melayu di satu

56. Lihat Haji Abdul Majid, "Khutbah Yang Dipertua", Kemajuan Pengetahuan, 1925, hlm. 2.

57. Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 88.

58. Ibid., hlm. 105.

59. Ibid., hlm. 106.

pihak, dan kelemahan dasar pendidikan kolonial British di pihak yang lain. Ini dipercayai oleh Za'ba sebagai punca yang menyebabkan kemunduran pendidikan dan ekonomi Melayu amnya. Manakala Abdul Majid pula tidak berfikiran sedemikian. Beliau sudah berpuas hati dengan dasar pendidikan kolonial British. Sokongannya kepada Syarikat Kerjasama adalah kerana usaha tersebut diyakini mempunyai kebaikan, bukan sahaja dalam aspek ekonomi, tetapi pendidikan Melayu juga. Ini akan dibincangkan dengan lebih lanjut nanti.

Satu insiden sejarah yang boleh dirujukkan di sini ialah derma \$22,000,000 yang diberikan oleh raja-raja Melayu kepada kerajaan British semasa Perang Dunia Pertama seperti dibincangkan sebelum ini.⁶⁰ Za'ba berpendapat, pemberian itu tidak adil kerana pendidikan Melayu lebih memerlukan pengorbanan sebesar itu. Akan tetapi, Abdul Majid berpendapat, bahawa:

[T]here was universal approval among all classes of Malays who felt that they paid a debt of gratitude to the British.⁶¹

Jika dikaji pemikiran ekonominya, didapati Abdul Majid juga mempunyai kesedaran yang jelas tentang masalah yang dihadapi oleh Melayu. Beliau pernah membincangkan perkara tersebut dengan berkata bahawa:

60. Selain itu, "the Malay States are reported to have contributed over 15,000,000 [pounds] towards the Empire's War effort". Kerajaan British telah membelanjakan 20,000,000 paun "on making Singapore a first-class naval base ... we are assured that the island is safe against any attack". Lihat Frank Swettenham, Footprints In Malaya, hlm. 164.

61. Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 100 (malah beliau telah menyindir Za'ba, tetapi di dalam rujukannya kepada pemikiran seperti Za'ba itu berkata: "Only one man, however, thought that the money could be better spent in giving higher education to the Malays, but the man was a Sumatran Malay educated in Egypt!"). Walaupun beliau tidak menyebutkan namanya, tetapi ternyata ditujukan kepada Sheikh Tahir Jalaluddin, iaitu guru dan sahabat karib Za'ba.

The chief and principal grievance would appear to be their poverty, as compared with people of other nationalities now living in Malaya.

62

Ini telah mula diperkatakannya seawal 1913 lagi, iaitu kira-kira tiga tahun sebelum Za'ba mula menyumbangkan rencananya kepada akhbar tempatan (1916). Di dalam gurindamnya "Bangkitlah bangkit", Abdul Majid telah menyeru supaya orang Melayu 'bangkit' untuk membaiki kemunduran ekonomi mereka pada zaman itu. Mereka diseru supaya "segera berbudi kepada tanah". Di antara seruan beliau, ialah:

Bangkitlah bangkit
Tidakkah ingin menjadi kaya dengan bangat [segera]?
Mengapa dibiarkan bangsa lain bertanam getah di tanah kita?

Bijih dan getah!
Inilah jalan kekayaan yang tentu!

63

Hasil negeri kita yang besar dapat dari situ!

Pada 1913 juga Abdul Majid berusaha untuk menubuhkan "Syarikat Perniagaan dan Pertukangan Melayu". Beliau telah menulis kepada akhbar dan meminta sokongan pembaca supaya sama-sama mengeluarkan modal untuk maksud tersebut. Abdul Majid dikatakan berjaya mendapat sokongan 100 orang, tetapi gagal menubuhkan syarikat itu kerana ketiadaan kepakaran.

64

Abdul Majid berpendapat bahawa wang adalah penting dalam kehidupan, malah menurutnya, "hilang bangsa jika tidak berwang". Ini menyebabkan beliau menyeru supaya orang Melayu berusaha mendapatkan wang, tetapi "yang

62. Ibid., hlm. 101.

63. Haji Abdul Majid, "Seruan Dengan Gurindam", Utusan Melayu, 18.1.1913, dipetik dari Kemajuan Pengetahuan, 1925, hlm. 36 (beberapa contoh tentang kekayaan orang Cina telah diberikan di dalam gurindamnya: "Lihatlah kejayaan Loke Yew dan Chow Kit", dan ditegaskan "Hartanya beribu bermilion ringgit").

64. Rencana beliau itu disiarkan di dalam Neraca (Singapura), tetapi tidak dinyatakan tarikhnya. Lihat W.R. Roff, The Origins, hlm. 186.

tidak menyalahi adat dan hukum Allah". Satu daripada jalan keselamatan ekonomi Melayu menurutnya, ialah dengan melibatkan diri di dalam "jalan
65
perniagaan".

Saranan Abdul Majid supaya bergiat dalam lapangan ekonomi yang tidak melanggar ajaran Allah adalah sesuai dengan pegangan agamanya, tetapi aspek "tidak menyalahi adat" itu mungkin dapat difahami berdasarkan satu aspek dari pemikiran ekonominya sendiri.

Abdul Majid adalah penyokong kuat kepada Syarikat Kerjasama anjuran pihak kerajaan kolonial di Tanah Melayu pada awal 1920-an. Ini mungkin disebabkan pemikiran itu ada persamaannya dengan pemikiran beliau sendiri sejak 1913 seperti dibincangkan di atas. Tetapi terlebih penting dari itu, ialah Abdul Majid sangat yakin bahawa usaha kerajaan untuk membantu memajukan ekonomi orang Melayu melalui Syarikat Kerjasama itu adalah sangat baik. Ini pernah dijelaskannya dengan berkata bahawa setelah bertambahnya pengalaman orang Melayu di dalam "the art of Co-operation under the guidance of a fatherly Government", dipercayai akan membantu orang Melayu dari segi untuk "change the Malays from careless into careful
66
economists".

Apabila beliau menerbitkan majalah The Modern Light (1939-1941), kerangka pemikiran ekonomi yang sama masih mendasari pemikirannya. Di dalam satu terbitan khas majalah itu, beliau mengemukakan satu rancangan
67
ekonominya, iaitu "The Plan For Our Economic Salvation". Rancangan itu ialah cadangan untuk menubuhkan The Malay National Bank. Menurut beliau,

65. Lihat Haji Abdul Majid, "Khutbah Yang Dipertua", Kemajuan Pengetahuan, 1925, hlm. 6.

66. Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 79.

67. Untuk keterangan lanjut mengenainya, lihat The Modern Light, vol. I, No. 3, hlm.99-142.

orang Melayu sudah mampu menubuhkannya dan kerajaan kolonial serta pakar
68
dari Eropah akan memberikan latihan yang diperlukan.

Satu aspek yang tidak dilupakan oleh Abdul Majid, ialah menerangkan tentang pemikiran asal untuk menubuhkan institusi tersebut. Beliau menjelaskan bahawa idea itu adalah dari pihak kerajaan kolonial sendiri, iaitu tercetus semasa melancarkan Syarikat Kerjasama pada awal 1920-an dahulu, tetapi nama bank itu dikatakan darinya sendiri. Selain itu, ditegaskan bahawa bank itu mestilah "on strictly Islamic principle". Walaupun beliau berusaha untuk mendapatkan kerjasama banyak pihak untuk
69
menubuhkannya, tetapi tidak berhasil.

Sokongan beliau kepada beberapa dasar kerajaan kolonial itu adalah amat nyata sekali. Sebenarnya, perbezaan pemikiran beliau dengan Za'ba bukanlah semata-mata kerana kerjayanya, tetapi disebabkan oleh berlainan pendirian masing-masing tentang banyak perkara. Ini dapat dilihat melalui pemikiran politiknya juga.

Di dalam pemikiran politik, didapati sikapnya adalah menepati makna kolaborator dalam pengertian yang sebenarnya. Beliau tidak pernah mengeluarkan perasaan anti-kolonial British di dalam tulisannya seperti dilakukan oleh Za'ba. Segala tindak tanduk pegawai British dilihatnya dari perspektif yang positif, hingga ada kalanya sampai menghina bangsa sendiri.

Di dalam rujukannya kepada penempatan awal pedagang Inggeris di Singapura (1819), beliau berpandapat bahawa mereka "were nothing more than a lot of harmless traders with good principles and beneficent intentions",
70
walaupun mereka memiliki "the great power at their back". Apabila merujuk

68. Ibid., hlm. 103.

69. Untuk keterangan lebih lanjut, lihat Ibid., Vol. I, No. 3; Vol. I, No. 4; Vol. I, No. 5; Vol. I, No. 7; Vol. I, No. 8, vol. I, No. 9 dan Vol. I, No. 12.

70. Lihat Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 59.

kepada peristiwa perluasan kuasa British di Tanah Melayu dari 1874, beliau berpendapat bahawa "terpaksalah orang-orang Eropah itu menjadi memerintah negeri-negeri Melayu ini seperti kita lapani sekarang", kerana "segala rakyat negeri-negeri Melayu itu tersangat sukar mendapat aman dan sentosa kehidupan mereka".⁷¹

Pemikiran seumpama ini lahir kerana beliau sependapat dengan pemikiran Frank Swettenham dan L.R. Wheeler tentang sifat pemerintahan raja-raja Melayu seperti dibincangkan dalam bab yang lalu. Dengan itu, beliau membuat kesimpulan bahawa rakyat Melayu adalah berpuas hati dengan pemerintahan British. Ini adalah kerana:

No one will hesitate to say that they are far better off in all respects under British rule than under the old Malay regime; and
⁷²
to be sure, not one of them, dares deny that.

Manakala raja-raja Melayu pula dikatakan telah mendapat nikmat yang lebih besar, iaitu:

Instead of having to fight with one another for their position as in the days of old and being therefore in constant danger of their life, they are now enjoying their position in perfect peace and security that the biggest Empire the world has ever
⁷³
seen assures to them.

Menurut Abdul Majid "Malayan nation in Malaya is undoubtedly
⁷⁴
comparatively small in every respect". Orang Melayu pula berpecah-pecah sesama sendiri. Pada masa yang sama mereka adalah ibarat "featherless young

71. Kemajuan Pengetahuan, 1925, hlm. 41.

72. Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 95.

73. Ibid.

74. Ibid., hlm. v.

chickens like ourselves". Ini mendedahkan mereka kepada "being swallowed up
75
or subjugated by some ambitious Asiatic nation if they stand alone".

Hakikat bahawa Britain sudahpun berkuasa di sini tidak timbul langsung di
dalam pemikirannya. Orang Melayu memerlukan perlindungan. Kini mereka sudah
76
mempunyai "Masters who not only protect you but respect your rights".

Dengan pemikiran yang sama Abdul Majid telah memberi suatu nasihat
yang amat 'berharga' untuk menjadi renungan orang Melayu amnya. Ini
dikatakan berdasarkan pendapat "several high British officials" di dalam
perbincangan peribadi mereka dengan beliau. Antara lain beliau berkata:

[I]t would be unpardonable egotism to claim that British methods
of government are perfect in every respect, [but it] is
undoubtedly significant of a desire on all sides to bring about
harmony and better understanding between British Protectors
from the West and the protected Malays in the East - despite
Rudyard Kipling's pessimistic croakings that:

East is East and West is West,
77
And ne'er the twain shall meet.

Nasihat terpenting Abdul Majid kepada orang Melayu ialah mereka
hendaklah menjadi manusia yang sentiasa "are a happy and contented people
as far as the administration of the government of their country is
78
concerned", kerana:

[T]hey know full well that if they get rid of the British, they
will be worse off under some other Power who would be sure to
overrun the country and trample down the Malays the moment they
79
are by themselves.

75. Ibid., hlm. 94.

76. Ibid., hlm. 99.

77. Ibid., hlm. 108.

78. Ibid., hlm. 107.

79. Ibid., hlm. 94.

Menurut Abdul Majid, itu adalah satu aspek daripada kesan yang akan menimpa orang Melayu, tetapi satu aspek lain yang ditakutinya juga ialah:

Remove the White Man and his law from the country, Malaya will soon become a perfect pandemonium again as it used to be in the
80
old lawless days!

Sungguhpun pemikiran politik Abdul Majid yang dipetik setakat ini merujuk kepada tulisan-tulisannya dari pertengahan 1920-an, tetapi kerangka pemikiran itu boleh dikatakan telah menjadi sebatii dengan dirinya hingga meninggal dunia (1943). Ini dapat dilihat dari lembaran majalah The Modern Light (1939-1941) dan di dalam autobiografinya, The Wandering Thoughts of A Dying Man di mana derafnya dituliskan pada 1941.

Pelancaran penerbitan The Modern Light adalah suatu peristiwa yang amat bersejarah kepada Abdul Majid. Beliau menyamakan pencapaian itu dengan kejayaan England melancarkan kapal 'Queen Mary'. Ini adalah kerana pelancaran kapal itu, menurutnya adalah melambangkan kejayaan kejuruteraan kepada England, manakala pelancaran majalahnya pula "is to be regarded as a wonderful attempt at achieving something religiously great by a very
81
religiously inclined people".

Pemikiran beliau tentang Islam itu memperlihatkan iktikad agamanya, iaitu hingga pernah mengatakan bahawa "the Islamic ideals as practiced by the Prophet and taught in the Islamic doctrines are far superior to the British Ideals", tetapi beliau tidak lupa untuk melahirkan pendirian politiknya berhubung dengan kerajaan "Empayar British Yang Maha Besar" itu. Di antaranya beliau menjelaskan:

80. Ibid., hlm. 80.

81. The Mdoern Light, Vol. I, No. 1, hlm.3.

[T]he only hope for the ascendancy of Islam should be based on the principles of working hand in hand with the ambitions of the British Empire.

82

Satu aspek yang perlu dijelaskan di sini ialah tentang perubahan sikap Abdul Majid terhadap golongan pembesar dan raja-raja Melayu. Kalau di zaman 1920-an dahulu beliau banyak mengkritik golongan tersebut, tetapi mungkin disebabkan beliau sudah merasakan dirinya "as belonging to the higher society", hubungannya dengan golongan itu sudah menjadi semakin intim di tahun-tahun akhir hayatnya.

83

Dua peristiwa menarik dapat dilihat melalui lembaran majalah The Modern Light. Pertama ialah dari derma wang yang diperolehi Abdul Majid untuk membiayai penerbitan majalahnya. Keduaanya, ialah berhubung dengan kempen mengutip derma yang diusahakan oleh Abdul Majid melalui majalah yang sama, iaitu untuk membantu kerajaan British di dalam menghadapi Perang Dunia Kedua. Abdul Majid telah mendapat kejayaan yang besar. Beliau tidak pula menjelaskan jumlah sumbangan derma peribadinya, tetapi mendermakan doa: "[May] God protect the arms of our Protecting Power" dan "May God Bless and Help Their Arms Against Hilterism".

84

85

86

82. Lihat W.R. Roff (ed.) The Wandering Thoughts, hlm. 13.

83. Ibid., hlm. 126.

84. Di antara pendermanya ialah Sultan Perak (\$100.00), Yam Tuan Besar Negeri Sembilan (\$50.00), Raja Di Hilir Perak (\$25.00), Tok Kelana Jaya Putera, Selangor (\$10.00) dan Tuan Sheikh Ahmad, Seremban (\$10.00). Lihat The Modern Light, Vol. I, No. 12, hlm. 514.

85. Abdul Majid dengan bangganya melaporkan para penyumbang. Di antara penyumbang pentingnya ialah Sultan Johor memberikan 250,000 paun; Sultan Perak \$50,000; dan Raja Perlis \$100,000 (Abdul Majid memuji raja ini sebagai raja dari "little state with a big heart" kerana sumbangan itu adalah yang ketiga kalinya, tetapi tidak dijelaskan jumlah terawalanya). Guru-guru Melayu Melaka juga dikatakan telah memberi sumbangan kecil dengan potongan gaji bulan Jun untuk maksud itu. Lihat The Modern Light, Vol. I, No. 2, hlm. 92 dan 103.

86. Lihat The Modern Light, Vol. I, No. 2, hlm. 50.

Keikraban ikatan sosial di antara Abdul Majid dengan golongan pembesar dan raja-raja Melayu, serta sayangnya beliau kepada kerajaan kolonial British itu dapat juga dilihat melalui penyiaran ucapan Raja Muda Perak dalam majalahnya. Di antara isi ucapan tersebut, ialah:

Just think for a moment what a great thing it is for you to be among the population of the largest and most glorious Empire the world has ever seen. It is by realising the greatness and glory of the Empire that you will grow up to be worthy of the Empire. Men and women before you have given their wisdom and work to build up and develop this Empire of which you form an integral part. It has not been the work of a day or a month or a year, but of generations.

87

Isi ucapan itu adalah sealiran dengan pemikiran politik Abdul Majid. Pada Abdul Majid, serta golongan pembesar dan raja-raja Melayu itu, Empayar British adalah empayar mereka juga. Doa dan harapan mereka ialah supaya 'Empayar Agong' mereka itu kekal buat selama-lamanya.

88

Golongan Literatur dan Wartawan

Dalam perkembangan yang lain, pengaruh ajaran reformis Islam Kaum Muda pula semakin mengesani perkembangan intelektual di Tanah Melayu. Sejak

87. Ucapan itu disampaikan oleh beliau di Sekolah Anderson, Ipoh, Perak pada "Empire Day" (1940). Lihat The Modern Light, Vol. I, No. 5, hlm. 235.
88. Satu contoh lain yang memperlihatkan sikap Abdul Majid terhadap Empayar British, ialah beliau tidak dapat menerima kritikan orang lain terhadap kerajaan yang disayanginya itu. Di dalam sebuah tulisannya, beliau menyeru supaya semua pihak, iaitu kerajaan British dan orang Melayu hendaklah mengatasi masalah riba, kerana masalah itu telah menghalang kemajuan ekonomi orang Melayu. Apabila usaha itu berjaya, beliau mengharapakan Profesor Rupert Emerson akan "swallow back his words" bahawa "Malaya is a Malay country, administered by the British, for the benefit of the Chinese". Lihat The Modern Light, Vol. I, No. 5, hlm. 210. Ini adalah kritikan Abdul Majid terhadap buku Rupert Emerson, Malaysia yang pertama kali diterbitkan pada 1937. Untuk keterangan lanjut mengenai perbincangan Emerson, lihat Malaysia (3rd Imp.), hlm. 26.

penerbitan Al-Imam (1906-1908), pengaruh tersebut telah merebak hingga ke seluruh Tanah Melayu pada awal 1920-an. Peranan yang dimainkan oleh guru-guru Melayu serta penubuhan Sahabat Pena pada awal 1930-an adalah contoh organisasi se-Tanah Melayu yang diasaskan oleh tokoh-tokoh Kaum Muda pada dekad tersebut.

Perlu ditegaskan di sini bahawa Kaum Muda bukan sebuah organisasi, tetapi faktor yang menyatukan pengikutnya adalah persamaan fahaman mereka tentang ajaran Islam itu sendiri. Islam difahami bukan sekadar suatu ibadat untuk bekal ke akhirat, tetapi yang serba mencakupi dalam semua aspek kehidupan sosial, ekonomi dan politik, tanpa melupakan akhirat. Mereka juga telah membuka satu dimensi baru dari segi konsep hidup bermasyarakat yang bukan saja menekankan kepada pentingnya penyatuan umat Islam di Tanah Melayu, tetapi ditegaskan juga bahawa orang Melayu adalah sebahagian dari umat Islam di dunia.

Mereka adalah golongan yang menggalakkan ijtihad di dalam kehidupan beragama dan bermasyarakat. Untuk menyebarkan fahaman itu, mereka menerbitkan majalah dan akhbar sendiri seperti Al-Imam, Neraca (1911-1915)⁸⁹ Pengasuh (1917-1932), Al-Ikhwan (1926-1931) dan Saudara⁹⁰ (1928-1941). Selain itu, mereka adalah golongan yang memberi penekanan kepada aspek pembinaan ilmu. Ini dilakukan dengan penubuhan beberapa

89. Akhbar ini diterbitkan di Singapura dari 1911 hingga 1915. Pengarangnya ialah Haji Abbas Mohd. Taha, iaitu sahabat karib Syed Sheikh Al-Hadi dan pernah menjadi pengarang Al-Imam (1906-1908). Neraca diterbitkan, pada mulanya setiap dua minggu, kemudiannya setiap sepuluh hari dan seterusnya mingguan. Ia menyebarkan fahaman Kaum Muda. Lihat W.R. Roff, Bibliography, hlm. 7. Untuk perbincangan lanjut mengenai Haji Abas (1885- ?), lihat Mohd Sarim Hj. Mustajab, "Satu Nota Tentang Haji Abas B. Mohd. Taha", Malaysia In History, Vol. 21, No. 1, June 1978, hlm. 1-7.

90. Al-Ikhwan dan Saudara diterbitkan oleh Syed Sheikh Al-Hadi di Pulau Pinang. Beliau juga mempunyai pencetakannya sendiri, iaitu The Jelutong Press.

madrasah seperti dijelaskan dalam Bab II yang lalu.

Perkembangan pengaruh Kaum Muda di Tanah Melayu telah membuka satu lembaran baru dalam sejarah sosial orang Melayu. Kewujudannya bukan saja mencabar cara hidup tradisi masyarakat Melayu umumnya, tetapi turut mengancam kedudukan golongan ulama konservatif juga. Disebabkan golongan ulama konservatif dinaungi oleh sultan atau raja di sesebuah negeri, maka cabaran itu melibatkan juga institusi tersebut. Pada masa yang sama, kerajaan kolonial British juga tidak terlepas dari menerima bahana kemarahan arus gerakan Kaum Muda, kerana British adalah kuasa asing dan secara kebetulannya beragama Kristian. Dari segi politiknya, rujukan Za'ba kepada British sebagai "kaum kafir" adalah manifestasi dari fahaman politik Kaum Muda itu. Pada kaca mata Kaum Muda, pembebasan dari kuasa asing itu, bererti membebaskan Islam dari dominasi Kristian juga.

Jika dilihat dari sudut perpaduan orang Melayu se-Tanah Melayu, maka dapat dikatakan bahawa golongan Kaum Muda telah memberikan sumbangan yang sangat bermakna ke arah matlamat tersebut. Pada mereka, Islam adalah asas penyatuan terpenting. Disebabkan orang Melayu, tanpa mengira asal keturunan sama ada dari kepulauan Melayu lain, ataupun DKA, DKK dan sebagainya, adalah orang Islam dan bersaudara, maka Kaum Muda adalah golongan terawal yang menyeru ke arah perpaduan tersebut. Tarikh kelahiran Al-Imam pada 1906 adalah cetusan terawalanya.

Kaum Muda juga bertanggungjawab menanamkan bibit-bibit anti-golongan pembesar dan raja-raja Melayu, serta anti-kolonial British di kalangan orang Melayu. Mereka adalah golongan yang cintakan pembaharuan dan kemajuan. Perpepecahan Melayu atau umat Islam dianggap sebagai suatu kelemahan. Mereka percaya bahawa golongan pembesar dan raja-raja Melayu serta kerajaan kolonial British adalah penghalang kepada cita-cita tersebut. Inilah asas pemikiran Kaum Muda di Tanah Melayu yang telah menjadi landasan perjuangan Za'ba seperti telah dijelaskan sebelum ini.

Selain mempunyai landasan pemikiran yang jelas di dalam perjuangan mereka, golongan ini telah mengasaskan suatu pembaharuan yang sangat bermakna dari segi perkembangan media cetak di Tanah Melayu, khususnya penerbitan akhbar dan majalah. Aspek pembaharuan dari segi isi dalam Al-Imam, seperti dibincangkan di awal bab ini, telah benar-benar mengesani perkembangan persuratkhabaran dan majalah Melayu di Tanah Melayu.

Pengaruh tersebut telah meresap ke dalam akhbar-akhbar yang bukan diasaskan oleh golongan Kaum Muda. Dua contoh terbaik ialah, Utusan Melayu (1907-1921) dan Lembaga Melayu (1914-1931). Menurut Roff, kedua-dua akhbar tersebut adalah "an excellent mirror of and commentator upon the times" dan "have participated much more fully towards Malay cause".⁹¹ Za'ba sendiri telah banyak menyumbangkan rencana kepada kedua-dua akhbar tersebut dari 1916 hingga 1921. Kebanyakan pemikiran awal Za'ba yang dipetik di dalam kajian ini adalah dari lembaran akhbar-akhbar tersebut.

Selain itu, Za'ba sendiri pernah mengulas tentang peranan akhbar bukan anjuran Kaum Muda dalam memperpanjangkan aliran pemikiran golongan itu melalui akhbar mereka. Menurut Za'ba "the old Utusan Melayu ... and the Lembaga Melayu" mengandungi rencana-rencana, terutamanya dalam "correspondence columns", tulisan-tulisan yang "make absorbingly interesting reading, at once amusing and instructive" tentang berbagai

91. Lihat W.R. Roff, Bibliography of Malay and Arabic Periodicals, hlm. 6 dan 7.

masalah yang dihadapi oleh orang Melayu.

Pada masa yang sama, akhbar dan majalah Melayu telah mengalami perkembangan yang pesat sejak akhbar pertama (Jawi Peranakan, 1876) diterbitkan hingga meletusnya Perang Dunia Kedua. Ratusan akhbar dan majalah telah diterbitkan. Peranan mereka di dalam memajukan bahasa dan kesusasteraan Melayu moden telahpun dijelaskan dalam Bab IV.

Satu aspek lain yang perlu dijelaskan di sini ialah tentang penulisan cerpen di dalam akhbar dan majalah Melayu. Menurut Hashim Awang, genre ini diperkenalkan oleh majalah Pengasuh pada 1920 dan diikuti oleh Panduan Guru pada 1922.⁹³ Walaupun isisnya "berlatarkan daerah luaran" Tanah Melayu, tetapi kreativiti mereka telah mencetuskan satu pembaharuan di dalam kegiatan penulisan di Tanah Melayu. Pada 1925 Majalah Guru telah menyiarkan cerpen "yang benar-benar melahirkan latar tempatan" dalam penulisannya.⁹⁴ Cerpenis terpenting majalah ini ialah Muhammad Yusof Ahmad.⁹⁵

Ketiga-tiga majalah itu diterbitkan oleh mereka yang berfahaman Kaum Muda. Ketua Pengarang Panduan Guru ialah Mohd. Zain Ayob, iaitu rakan karib Za'ba, manakala Pengarang Majalah Guru ialah Muhammad Yusof dan Muhammad

92. Lihat Zainal Abidin Ahmad, "Malay Journalism in Malaya", JMBRAS, Pt. II, 1941, hlm. 245. Za'ba adalah satu-satunya penulis yang banyak menyumbangkan rencana seumpama itu kepada kedua-dua akhbar tersebut (1916-1921). Walaupun Za'ba tidak mahu mengakui hakikat itu dalam tulisannya pada 1941, tetapi penulis telah dapat mengesahkannya melalui penelitian yang rapi terhadap terbitan kedua-dua akhbar tersebut pada peringkat tersebut. Kedua-dua akhbar itu telah memberi penghargaan luar biasa kepada sumbangan penulisan Za'ba. Rencana Za'ba pernah disiarkan di muka hadapan, sedangkan ini tidak pernah berlaku sebelumnya. Sebagai contoh, lihat Utusan Melayu, 19.4.1920 dan Lembaga Melayu, 3.6.1921.

93. Hashim Awang, Cerpen-cerpen Melayu, hlm. 5.

94. Ibid.

95. Untuk perbincangan mengenai kegiatan Muhammad Yusof dalam bidang ini, lihat Muhammad Yusof Ahmad, Mencari Isteri (dengan Kata Pengantar oleh Ali Ahmad), Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1975, hlm. vii-xiii.

uda, iaitu adik kepada Za'ba dan yang kedua itu adalah bapa saudara seperti dijelaskan lebih awal.

da 1930-an, penulisan cerpen adalah sangat popular di kalangan, malah ia masih popular hingga masa kini. Jika ditinjau dari tempoh hingga 1941, daripada 147 akhbar dan majalah Melayu, 64 daripadanya⁹⁶ menyiarkan cerpen. Jumlah keseluruhan cerpen yang tersiar dalam⁹⁷ itu ialah sebanyak 734 buah.

tu lagi genre yang diperkenalkan oleh Kaum Muda ialah penulisan Karya Syed Sheikh Al-Hadi, iaitu novel Faridah Hanum (1926) adalah⁹⁸ ara yang terawal. Novel ini sangat popular hingga ramai anak yang lahir pada zaman itu menamakan anak perempuan mereka Hanum atau⁹⁹ Penerbitan novel Melayu dari 1925-1941 ialah sebanyak 165⁰

ngan adanya genre cerpen dan novel, berbagai masalah sosial,¹⁰¹ dan politik Melayu telah menjadi tema utamanya. Perkembangan ini sendirinya telah membuka ruang yang lebih luas kepada para penulis untuk berkarya, dan tidaklah terhad kepada penulisan rencana seperti n sebelumnya.

shim Awang, Cerpen-cerpen Melayu, hlm. 2.

cahan jumlahnya ialah 1920-an sebanyak 65; 1930-an sebanyak 457 dan; 40-1941 sebanyak 212. Ibid., hlm. 273-276.

nurut Hashim Awang, novel Melayu pertama 'mungkin' Kelebihan Bersabat (1925). Lihat tulisannya Novel Hikayat, Struktur Penceritaan layu, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1989, hlm. I.

hat Zainal Abidin Ahmad, "Modern Developments of Malay Literature", BRAS, Vol. XVIII, Pt. III, Januari 1940, dipetik dari Abdullah ssain & Khalid Hussain, Pendita Za'ba, hlm. 256-257.

hat Hashim Awang, Novel Hikayat, hlm. 1.

tuk keterangan lebih lanjut mengenai tema-tema tersebut, lihat rbincangan Hashim Awang di dalam kedua-dua tulisannya, Cerpen-cerpen layu dan Novel Hikayat.

Di samping itu, terdapat juga penulisan puisi, iaitu syaer, gurindam dan sajak di dalam akhbar dan majalah Melayu. Ini adalah genre yang sememangnya sudah popular sejak 1913 lagi, tetapi semakin terlibat di dalam memperkatakan berbagai isu yang dihadapi oleh orang Melayu, sesuai dengan perkembangan penulisan cerpen dan novel itu.

Keterlibatan akhbar dan majalah Melayu di dalam memperkatakan berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu telah menimbulkan kesedaran yang meluas di kalangan orang Melayu umumnya. Dua isu utama yang dibincangkan dengan meluas oleh akhbar Melayu sejak akhir 1920-an akan dijadikan contoh untuk menjelaskan perkembangan itu. Pertamanya ialah menyentuh isu eksploitasi ekonomi oleh orang bukan Melayu, iaitu orang Cina dan India. Keduanya ialah isu DKA dan DKK.

Za'ba sendiri telah menyentuh aspek eksploitasi ekonomi golongan bukan Melayu itu sejak di peringkat awal kegiatan penulisannya, tetapi persoalan itu belum menjadi isu penting pada zaman tersebut. Peningkatan kesedaran tentang masalah ini dapat dilihat melalui perbincangan terbuka oleh Abdul Majid. Beliau mengatakan bahawa orang Melayu pada akhir 1920-an "had already suffered from that 'Yellow Peril'", iaitu apabila merujuk kepada kesan kegiatan ekonomi orang Cina di Tanah Melayu.

Orang Cina sudah menguasai bidang perniagaan di seluruh Tanah Melayu dan orang India pula terlibat dalam kegiatan meminjam wang. Di samping itu orang Cina dan India sudah mula menuntut hak untuk memasuki Malayan Civil Service. Tetapi, aspek yang paling ditakutinya ialah bilangan orang Cina semakin bertambah besar dan mereka sudahpun layak mendapat taraf rakyat

102. Untuk perbincangan lanjut mengenai para penulis, stail penulisan serta tema dan senarai puisi yang tertulis dari 1913 hingga 1941, lihat Abdul Latiff Abu bakar (ed.) Puisi-puisi Kebangsaan 1913-1957, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1987, hlm. 3-332.

103. Lihat Haji Abdul Majid, The Malays in Malaya, hlm. 103.

British di Negeri-negeri Selat. Dalam satu atau dua generasi lagi, mereka mungkin menuntut hak untuk menjadi rakyat British di Tanah Melayu. Dengan itu ketakutan orang Melayu terhadap orang Cina, menurutnya adalah "not only on economic grounds but also politically on account of the large Chinese immigration to Malaya every year".

104

Pada awal 1930-an, sentimen anti-golongan asing itu telah menjadi tema penting akhbar Melayu. Ini berlaku lantaran adanya tuntutan orang Cina untuk mendapatkan hak politik yang sama dengan orang Melayu. Ramalan Abdul Majid sudah menjadi kenyataan. Seorang wakil Cina dalam Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat di Singapura, dalam satu ucapannya berkata:

Siapa kata negeri ini negeri Melayu? Semasa Captain Light datang ke sini, terjumpakah ia orang-orang Melayu atau kampung? Nenek moyang kita datang ke sini dan telah bekerja sebagai buruh dan mereka tak mengirimi wang balik ke China. Mereka membelanjakan wang mereka di sini dan kerana itu kerajaan berupaya membuka negeri ini menjadi tamadun. Kita telah menjadi satu dengan

105

negeri ini. Ini kita punya, negeri kita.

106

Abdul Rahim Kajai yang menjadi Pengarang akhbar Majlis telah menggunakan media tersebut untuk menentang hasrat politik orang Cina itu. Kajai telah menggunakan istilah yang bersifat etnosentrik, seperti "bangsa kuning", sama seperti Abdul Majid, dalam meluahkan rasa bencinya kepada mereka.

107

Seorang lagi penulis yang turut meluahkan sentimen yang sama

104. Ibid. Untuk perbincangan sepintas lalu tentang perkembangan sosio politik orang Cina dan India di Tanah Melayu pada 1920-an, lihat Khoo Kay Kim, "Tahun 1920an Dalam Sejarah Malaysia", Jurnal Sejarah (Universiti Malaya, Kuala Lumpur), Jld. IX, 1970/71, hlm. 10-15.

105. Ucapan ini disampaikan oleh Lim Cheng Yan kepada sebuah persatuan Cina, iaitu Hu Yu Seah pada 6.2.1931. Al-Ikhwan, majalah milik Syed Sheikh Al-Hadi menyiarkan isi ucapan ini dalam keluaran 16.2.1931. Lihat Kamaruzzaman Abdul Kadir, Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Modern, hlm. 11.

106. Untuk riwayat hidup ringkasnya, lihat Bab IV kajian ini.

107. Lihat Abdul Latiff Bakar, Abdul Rahim Kajai, hlm. 187.

ialah Ishak Haji Muhammad. Kedua-dua mereka menulis banyak rencana dan cerpen yang menyenutis isu yang disifatkan oleh mereka sebagai ancaman 'orang asing' di sepanjang 1930-an hingga 1942. Selain itu Ishak telah menulis dua novel, yang turut menyentuh isu eksploitasi ekonomi orang asing itu. Akhbar Melayu lain yang turut memperkatakan isu ini ialah Al-Ikhwan, Saudara, Warta Melaya dan Utusan Melayu.

108. Beliau dilahirkan di Temerloh, Pahang. Ia mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu di kampungnya. Kemudiannya melanjutkan pendidikan di sekolah Inggeris (1924-1929) dan lulus Senior Cambridge. Beliau dipilih memasuki MCKK untuk mendapat latihan sebagai persediaan menjadi Pegawai Melayu, tetapi berkhidmat selama enam tahun sahaja (1931-1935). Ia meninggalkan jawatan itu dan aktif dalam bidang kewartawanan. Beliau adalah penulis cerpen dan novel berbakat. Di samping itu beliau aktif dalam politik kiri seperti KMM dan PKMM. Untuk perbincangan lanjut, lihat Abdul Latiff Abu Bakar, Ishak Haji Muhammad, Penulis dan Ahli Politik Sehingga 1948, Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 1977.
109. Untuk perbincangan lanjut, lihat Hashim Awang, Cerpen-cerpen Melayu, hlm. 82-99; Kamaruzzaman Abd. Kadir, Nasionalisme Dalam Puisi Melayu Modern, hlm. 11-12; dan Abdul Latiff Abu Bakar, Abdul Rahim Kajai, hlm. 187-206 dan; Abdul Latiff Abu Bakar, Ishak Haji Muhammad, hlm. 67-72.
110. Lihat Ishak Haji Muhammad, Putera Gunung Tahan (cetakan pertama 1938), Petaling Jaya: Pustaka Budaya Agency, 1973 dan Anak Mat Lela Gila (cetakan pertama 1941), Kuala Lumpur: Federal Publications Sdn. Bhd., 1975.
111. Seorang sarjana telah membuat penilaian kritis terhadap cerpen Kajai, "Cerita Awang Putat" (1941) dan dua novel Ishak (lihat nota kaki di atas) untuk mengkaji secara tekstual, pemikiran mereka dalam hubungannya dengan perkembangan kapitalisme di Tanah Melayu. Kedua-dua mereka dikatakan menganjur "resentment against foreign cultures and non-Malay capitalism". Mereka juga dikatakan termasuk dalam kategori "early prophets of Malay capitalism", tetapi terdapat perasaan hina terhadap golongan massa Melayu sendiri. Lihat Shahrudin Maaruf, Malay Ideas on Development, hlm. 91-112. Penulis sendiri telah membuat ulasan kritis terhadap tulisan Shahrudin Maaruf. Lihat Adnan Haji Nawang, "Malay Ideas On development, From Feudal Lord To Capitalist: A Review Article", Sejarah (Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya), No. 2/1993, hlm. 179-189.
112. Utusan Melayu (1939) adalah akhbar milik Melayu sepenuhnya yang diasaskan di Singapura. Kajai adalah Pengarangnya dari 1939-1941. Sebelum itu Kajai adalah Pengarang Saudara (1928-1930); Pengarang Mailis (1931-1935) dan; Pengarang Warta Melaya (1936-1939). Untuk senarai lengkap ratusan rencana, rencana pengarang, rencana pojok dan cerpen Kajai, lihat Abdul Latiff, Abdul Rahim Kajai, hlm. 271-310.

Di samping itu, kritikan Kajai dan khususnya Ishak serta akhbar dan majalah Melayu pada zaman itu bukanlah terhadap peranan ekonomi orang Cina sahaja, tetapi termasuk juga kedudukan pembesar dan raja-raja Melayu serta kerajaan kolonial British.¹¹³ Dengan perkembangan itu, tradisi kritikan terbuka Al-Imam serta Za'ba terhadap kedua-dua golongan tersebut, pada 1930-an, telah menjadi lebih terbuka dan lebih meluas diperkatakan. Aspek yang mendasarinya, atau yang menjadi latar belakang kepada keterbukaan perbincangan melalui lembaran akhbar dan majalah Melayu dewasa itu adalah berkait rapat dengan berbagai masalah sosial, ekonomi dan politik Melayu sezaman.

Berhubung dengan isu DKA dan DKK itu, Kajai¹¹⁴ dan Ishak¹¹⁵ adalah dua pengarang yang banyak menimbulkan persoalan tentang perkara tersebut. Ini adalah menyentuh hubungan di antara orang Melayu dengan kedua-dua golongan itu. Walaupun aspek hubungan sosial banyak disentuh di dalam penulisan

113. Kritikan Kajai terhadap golongan pembesar dan raja-raja Melayu serta kerajaan kolonial tidaklah seketara Ishak, yang bersikap agresif. Namun begitu, dalam aspek yang lain, mereka adalah sealiran. Untuk perbincangan lanjut, lihat Abdul Latiff Abu Bakar, Abdul Rahim Kajai, hlm. 78 dan 182-248 dan; Abd. Latiff Abu Bakar, Ishak Haji Muhammad, hlm. 59-81.

114. Kajai bertanggungjawab mempopularkan penggunaan gelaran DKA dan DKK apabila ia mula membincangkan mengenai takrif Melayu. Ini berlaku seawal 1933. Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, Abdul Rahim Kajai, hlm. 106-109. Lihat juga Hashim Awang, "Rahim Kajai Dan Kesusasteraan Melayu", Kertas kerja Majlis Memperingati 100 Tahun Abdul Rahim Kajai, Anjuran Persatuan Wartawan Malaysia dan Gapena, di Kuala Lumpur, pada 18.12.1994, hlm. 2-3.

115. Ishak mula terlibat dengan isu ini apabila ia banyak bergaul dengan golongan itu di Singapura pada akhir 1937. Untuk perbincangan lanjut, lihat Abdul Latiff Abu Bakar, Ishak Haji Muhammad, hlm. 72-76 dan Shahrudin Maaruf, Malay Ideas On Development, hlm. 112.

zaman itu, tetapi faktor yang lebih mendasarinya mempunyai kaitan dengan kegiatan ekonomi dan peranan politik golongan tersebut, terutamanya di Singapura dan Pulau Pinang.¹¹⁷ Masalah ini telah timbul di zaman Al-Imam (1906-1908) lagi dan menjadi semakin ketara pada 1920-an, sehingga tertubuhnya Kesatuan Melayu Singapura (1926) seperti dijelaskan dalam bab yang lalu. Tetapi, pada 1930-an masalah itu telah menjadi isu pokok dalam pemikiran politik akhbar dan majalah Melayu, terutamanya seperti yang terpancar melalui pemikiran Kajai. Pada masa yang sama, beliau telah membincangkan dua perkara lain, tetapi mempunyai kaitan dengan orang Melayu umumnya. Pertama, ialah mengenai takrif "Melayu" dan keduanya, ialah konsep "bangsa Melayu".

Menurut takrif Kajai, orang Melayu itu terdiri dari dua jenis. Pertama, ialah 'Melayu Jati', iaitu orang Melayu asal yang berada di Tanah Melayu. Manakala keduanya, ialah merujuk kepada 'Melayu Dagang', iaitu yang berasal dari kepulauan Melayu atau Alam Melayu seperti Minangkabau, Bugis, Jawa, Boyan dan sebagainya, yang menetap di Tanah

116. Sebagai contohnya, Kajai pernah menulis (1940) bahawa "Pada fikiran ana dia sudah terlupa menyebut bangsa Melayu sudah mulai berhenti mejadi tukang cium tangan orang" apabila beliau mengkritik pendapat "Pengarang Arab" tentang beberapa sifat orang Melayu. Selain itu Kajai menyentuh juga tentang masalah perkahwinan di antara lelaki 'Melayu tulin' dengan gadis keturunan Arab (berasal dari zuriat Nabi SAW) yang dikatakan "tidak sekupu" di dalam cerpennya (1941). Masalah perkahwinan di antara orang yang bukan dari keturunan Arab dengan yang berketurunan Arab, terutama golongan Syed atau Sharifah, pernah mencapai tahap mengeluarkan fatwa. Ini berlaku pada 1905 di Singapura. Perbuatan itu dianggap haram di sisi Islam oleh ulama DKA. Untuk keterangan lanjut, lihat Abdul Latiff Abu Bakar, Abdul Rahim Kajai, hlm. 379; Hashim Awang (ed.) Satira Kajai, Cerpen Pilihan Abdul Rahim Kajai, Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., hlm. viii-xi dan; Safie Abu Bakar, "Islamic Religious Thought", hlm. 226.

117. Abdul Latiff Abu Bakar, Abdul Rahim Kajai, hlm. 109. Dari segi politiknya, selain menguasai Majlis Perundangan Negeri-negeri Selat sebagai wakil 'Melayu' dari Pulau Pinang atau Singapura, ramai dari mereka terlibat dalam perkhidmatan awam kolonial seperti pegawai, guru, kerani serta aktif dalam perniagaan dan perdagangan. Lihat W.R. Roff, The Origins, hlm. 188.

Melayu.

Orang Asli di Tanah Melayu adalah termasuk dalam takrif Melayunya,¹¹⁹ kerana mereka adalah 'anak jati' atau penduduk asal di Semenanjung. Tetapi orang Cina dan India adalah 'orang asing' dan mereka sama sekali tidak boleh dianggap setaraf dengan orang Melayu. Mereka dirujuk sebagai 'bangsa dagang' atau 'bangsa Malayan' di Tanah Melayu.¹²⁰ Manakala orang DKA dan DKK pula dianggap sebagai 'bukan Melayu'.¹²¹ Menurut Kajai, terdapat sembilan kategori manusia Muslim yang tidak boleh dimasukkan ke dalam takrif Melayunya.¹²² Golongan itu dianggap 'bukan Melayu' kerana keturunan mereka adalah dari sebelah ibu. Ini disebabkan, "undang-undang keturunan sesuatu bangsa menurut hukum Allah, hukum Rasul, adat manusia dan adat segala makhluk Allah, iaitu haiwan dan kayu-kayuan berdasarkan di sebelah bapa".¹²³ Ini bermakna, hanya orang dari keturunan di sebelah bapa Melayu sahaja yang boleh diterima sebagai Melayu.

Berhubung dengan konsep bangsa pula, Kajai telah menetapkan, hanya Melayu asal dan Melayu dagang yang boleh dianggap sebagai bangsa Melayu.

-
118. Kajai, "Lagi Perihal Takrif Melayu", Utusan Zaman 17.9.1940. Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, Abdul Rahim Kajai, hlm. 106.
119. Kajai, "Lagi Masalah Sakai", Utusan Zaman, 6.7.1940. Ibid., hlm. 106.
120. Kajai, "Takrif Bangsa Dagang", Majlis, Januari 1933 dan "Benih Pecah Belah Subur, Melayu Dagang Dicemburui. Peluang Bangsa Malayan Semakin Terbuka", Majlis, 17.11.1932. Lihat Ibid., hlm. 106 dan 110.
121. Kajai, "Melayu Jadi Pelambahan", Utusan Zaman, 26.10.1940. Lihat Ibid., hlm. 108.
122. Sembilan kategori itu ialah keturunan dari: bapa Arab, ibu Melayu; bapa India Muslim, ibu Melayu; bapa Syed, ibu Syarifah; bapa Arab, ibu India Islam; bapa Arab, ibu Cina masuk Islam; bapa India ibu Arab; bapa India, ibu Cina atau Hindu masuk Islam; bapa Cina masuk Melayu, ibu Melayu atau Arab, atau India Islam dan; bapa Benggali atau Hindu masuk Melayu, ibu Melayu atau Arab atau India Islam. Kajai, "Kesimpulan Takrif", Utusan Zaman, 5.10.1940. Lihat Ibid., hlm. 107-108.
123. Kajai, "Siapakah Yang Berkata Melayu Malas", Utusan Zaman, 31.10.1940. Lihat Ibid., hlm. 107.

Rasional Kajai ialah, Melayu dagang itu sudah menjadi sebahagian dari keluarga Melayu asal di Tanah Melayu. Mereka juga lebih dipercayai oleh Melayu asal berbanding dengan orang lain, kerana mereka menyokong dan memberikan kerjasama kepada Melayu asal dalam kehidupan mereka di Tanah
124
Melayu.

Terdapat dua asas lain yang mendasari konsep bangsa Melayunya itu. Pertama, ialah bangsa Melayu mestilah "taat dan setia kepada raja-raja dan kepada pemerintahnya".¹²⁵ Ini adalah kerana raja atau sultan Melayu itu adalah "turus negeri" dan mereka, menurut Kajai, adalah simbol kepada "semangat dan perasaan kasih sayang kepada tanahair, bangsa dan agama, adat resam dan bahasa" kepada bangsa Melayu.¹²⁶ Jika dilihat dalam konteks zamannya, kesetiaan yang dikehendaki oleh Kajai itu bukannya terhadap raja-raja Melayu sahaja, tetapi termasuklah kerajaan kolonial British juga.

Keduanya, ialah menyentuh mengenai agama Islam dalam hubungannya dengan konsep bangsa Melayu itu. Menurutnya:

Islam itu bukanlah bangsa, tetapi ialah agama meskipun sebahagian saudara-saudara kita yang mengaku Islam menghendaki kita jangan berbangsa kepada Melayu sambil memberi 'nasihat'
127
supaya kita mengaku bangsa Islam sahaja.

Di samping itu dijelaskan lagi:

124. Kajai, "Benih Pecah Belah Subur, Melayu Dagang Dicemburui, Peluang Bangsa Malayan Semakin Terbuka", Majlis, 17.11.1932. Ibid., hlm.110.

125. Kajai, "Perhimpunan Besar Kongres Melayu", Saudara, 25.4.1931. Ibid., hlm. 106.

126. Kajai, "Melemahkan Perasaan", Warta Jenaka, 28.10.1937. Ibid., hlm. 78.

127. Kajai, "Takrif Pergerakan Kebangsaan Melayu", Utusan Zaman, 23.11.1940. Ibid., hlm. 372.

[P]ergerakan Kebangsaan Melayu cuma enggan berimam dan berulukan orang-orang yang lain daripada bangsa sendiri dalam pergerakan kebangsaan, tetapi akan terus berimam atau berkatib [sic] kepada orang-orang yang di luar takrif di dalam pekerjaan agama.¹²⁸

Kajai mempunyai pemikiran yang sangat jelas di dalam mentakrifkan konsep bangsa Melayu itu. Bangsa Melayu tidak sama dengan Bangsa Islam, dan tidak tertegak di atas prinsip-prinsip Islam. Politik dan Islam adalah dua isu yang terpisah dan berlainan sama sekali. Hanya satu aspek saja di mana Kajai tidak konsisten. Beliau mengambil kira keturunan di sebelah bapa kerana menurut "hukum Allah", tetapi pada masa yang sama menolak hukum Allah itu dalam konsep bangsanya.

Abdul Latiff, seorang sarjana yang membuat kajian tentang pemikiran Kajai, telah menimbulkan banyak soalan daripada memberi jawapannya. Menurut beliau, Kajai adalah "pengikut Kaum Muda" dan beliau "turut membincangkan tentang agama Islam sambil menyibarkan dan menyokong fahaman Kaum Muda". Di samping itu, dikatakan Kajai "berkebolehan membincangkan tentang agama Islam dengan baiknyanya".¹²⁹

Untuk menyokong pendapatnya itu, Abdul Latiff telah menjelaskan latar belakang pendidikan serta beberapa pemikiran Islam Kajai. Kajai mendapat pendidikan agama di Mekah dan banyak bergaul dengan orang Islam di seluruh dunia kerana beliau pernah menjadi Sheikh Haji. Kajai juga pernah menjadi Penolong Pengarang dan kemudiannya, sebagai Pengarang akhbar Saudara (1928-1930), milik tokoh Kaum Muda, iaitu Syed Sheikh Al-Hadi.¹³⁰

Abdul Latiff gagal menjawab soalan yang paling asas, iaitu kenapakah Kajai mengasingkan Islam apabila ia mengemukakan takrif Melayu dan konsep bangsa Melayunya? Perjuangan Kaum Muda, khususnya dari segi politik, adalah

128. Ibid.

129. Ibid., hlm.131.

130. Untuk perbincangan lanjut, lihat Ibid., hlm. 129-146.

jauh lebih progresif dari itu. Walaupun Abdul Latiff berkata bahawa "Kajai inginkan orang Melayu mempertahankan kesucian Islam dan mengamalkan adat resam Melayu",¹³¹ tetapi hanya aspek kedua sahaja yang benar-benar menepati perjuangan Kajai di dalam kajiannya. Isu pokoknya gagal ditanggapi oleh Abdul Latiff.¹³² Ini termasuklah di dalam tulisannya yang terbaru¹³³ mengenai Kajai.

Berlandaskan konsep bangsanya itu, Kajai telah menyeru supaya orang Melayu jangan berpecah belah. Mereka mestilah bersatu, menubuhkan persatuan dan mengadakan kongres untuk membincangkan masalah sosial, ekonomi dan politik mereka. Seruan ini dibuat sejak awal 1930-an. Penyatuan yang dikehendakinya ialah di antara 'Melayu Jati' dengan 'Melayu Dagang' sahaja.¹³⁴ Tujuan Kajai ialah untuk mewujudkan satu "pergerakan kebangsaan Melayu". Takrifnya, menurut Kajai ialah:

[S]egala pergerakan yang dibangsakan kepada pergerakan Melayu sama ada dunia atau akhirat ... bukannya berpecah belah atau membawa derhaka atau sesat hanya sanya dikehendaki terhad kepada bangsa Melayu sahaja oleh sebab jika sekiranya pergerakan itu dipimpin atau dicampuri oleh orang asing, maka tiadalah dapat¹³⁵ dimaknakan pergerakan kebangsaan Melayu.

131. Ibid., hlm. 128.

132. Tanggapan yang sama dapat dilihat juga di dalam kajian seorang sarjana lain. Beliau menyifatkan Kajai sebagai: "The most radical figure among the reformists" dan "Kajai appeared to be an aggressive reformist both in ideas and in action". Lihat Safie Ibrahim, "Islamic Religious Thoughts", hlm. 65-67.

133. Lihat Abdul Latiff Abu Bakar, "Sumbangan Abdul Rahim Kajai Dalam Dunia Kewartawanan Malaysia", Kertas kerja Majlis Memperingati 100 Tahun Abdul Rahim Kajai, Anjuran Persatuan Wartawan Malaysia dan Gapena, di Kuala Lumpur, 18.12.1994.

134. Kajai, "Perhimpunan Besar Kongres Melayu, Congress For Malays, Saudara, 25.4.1931. Abdul Latiff Abu Bakar, Abdul Rahim Kajai, hlm. 106 dan 109-110.

135. Kajai, "Takrif Pergerakan Kebangsaan Melayu", Utusan Zaman, 23.11.1940. Ibid., hlm.373-374.

Jika dilihat dari sudut penyatuan yang disarankannya itu, didapati pemikirannya hanya serasi dengan konsep Melayu Raya Za'ba seperti dibincangkan dalam bab yang lalu. Tetapi, aspek kemanusiaan dan Islam telah tercicir. Ini menyebabkan golongan DKA dan DKK telah terkeluar langsung dari pentakrifan bangsa Melayu oleh Kajai. Ini adalah perbezaan konsep bangsa yang paling ketara di antara keduanya.

Ini bolehlah dianggap sebagai satu perkalehan kerangka pemikiran di dalam perkembangan politik Melayu zaman tersebut. Ini adalah kerana saranan dan pemikiran Kajai telah mendefinisikan persekitaran politik Melayu, terutamanya sehingga 1942. Akhbar dan majalah Melayu telah memainkan peranan penting di dalam mempopularkan konsep bangsa Melayu dan pergerakan kebangsaan Melayu oleh Kajai itu. Sungguhpun Sahabat Pena (1934-1942) masih aktif dan majalahnya, Paspam (1938-1941) berterusan memperkatakan berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dari perspektif Kaum Muda, tetapi arus perubahan pemikiran politik Melayu sukar ditahan lagi.

Kesannya ialah tertubuh persatuan-persatuan Melayu di setiap negeri di Tanah Melayu dengan berlandaskan konsep bangsa Melayu seperti ditakrifkan oleh Kajai itu. Ini bermula dengan Persatuan Melayu Perak (1936) diikuti penubuhan cawangan Kesatuan Melayu Singapura (KMS) ¹³⁶ di Pulau Pinang dan Melaka pada 1938, Persatuan Melayu di Pahang dan Selangor (1938), serta di Negeri Sembilan (1939). Atas inisiatif Persatuan Melayu Selangor dan KMS, satu kongres diadakan oleh semua persatuan Melayu itu di Kuala Lumpur pada Ogos 1939. Pokok perbincangan kongres berkisar di sekitar cara-cara memperkukuhkan persatuan negeri, memajukan bangsa Melayu dan menubuhkan

136. Untuk keterangan lanjut mengenai KMS, lihat Bab VI kajian ini.

persatuan bersifat kebangsaan, tetapi tiada keputusan muktamad dicapai.

Dari 1940 hingga 1941 tertubuh pula persatuan di Kelantan dan Johor. Kongres kali kedua diadakan di Singapura pada 25 dan 26 Disember 1940 dan dihadiri oleh semua persatuan Melayu di Tanah Melayu, termasuk Singapura, Sarawak dan Brunei. Kongres ini telah membincangkan pembangunan ekonomi Melayu, selain menegaskan pentingnya ditubuhkan persatuan bersifat kebangsaan. Usaha tersebut gagal, tetapi mereka mengambil keputusan untuk mengadakan kongres ketiga di Ipoh pada 1941. Kongres ini gagal diadakan kerana menjelang waktu Perang Dunia Kedua di Tanah Melayu.

138

Golongan Politikus

Sehingga 1941, setiap persatuan Melayu itu kekal dengan sifat kenegeriannya. Sungguhpun semuanya dipimpin oleh golongan elit tradisional Melayu dan bergerak dalam kerangka pentadbiran kolonial, tetapi mereka gagal untuk mewujudkan satu pertubuhan bersifat pergerakan kebangsaan Melayu seperti disarankan oleh Kajai. Hanya Kesatuan Melayu Muda (KMM, 1938) berjaya berbuat demikian, tetapi ia bergerak di luar kerangka tersebut.

KMM mempunyai ahli seramai beberapa ratus orang saja, tetapi cita-cita pemimpin utamanya seperti Ibrahim Haji Yaacob dan Ishak Haji Muhammad adalah untuk menubuhkan pergerakan massa di Tanah Melayu. KMM adalah pertubuhan yang bersikap anti-kolonial, anti-pembesar dan raja-raja

137. Untuk perbincangan lanjut mengenai penubuhan persatuan-persatuan Melayu itu serta kongres tersebut, lihat W.R. Roff, The Origins, hlm. 236-245.

138. Ibid., hlm. 245-247.

Melayu, selain mempunyai cita-cita menubuhkan Melayu Raya seperti dibincangkan sebelum ini. Mereka dianggap sebagai golongan kiri dalam politik Tanah Melayu.

Setakat 1941 itu, orang Melayu sudah memasuki satu era baru dalam sejarah perkembangan politik mereka. Usaha Za'ba untuk melihat orang Melayu menubuhkan persatuan se-Tanah Melayu telah tercapai dengan penubuhan Sahabat Pena (1934), tetapi dalam perkembangan yang selari, lahir pula konsep bangsa Melayu ala-Kajai hingga lahirnya persatuan Melayu seperti dibincangkan di atas. Walaupun KMM sudah tertubuh dan cita-cita politiknya mempunyai beberapa persamaan dengan pemikiran politik Za'ba, tetapi Islam tidak dijadikan asas perjuangan mereka. Jika dilihat dari sudut itu, perjuangan KMM adalah sama saja dengan konsep pergerakan kebangsaan Melayu oleh Kajai. Aspek yang berbeza hanyalah kerana KMM adalah anti-golongan pembesar dan raja-raja Melayu serta anti-kolonial British.

Jika dilihat dari sudut perkembangan pemikiran politik Melayu zaman tersebut, pemikiran politik Za'ba, khususnya yang berkaitan dengan Islam, sudah menjadi tersisih dari arus perdananya. Orang Melayu bukan saja masih terpecah mengikut negeri masing-masing, tetapi mula memperlihatkan perpecahan yang jelas dari segi aliran pemikiran politik mereka juga. Inilah keadaan politik Melayu menjelang pemerintahan Jepun di Tanah Melayu.

Pemerintahan Jepun di Tanah Melayu (Disember 1941-Ogos 1945) selama tiga tahun sembilan bulan itu, bolehlah dijelaskan dengan meminjam tajuk sebuah buku, iaitu Malaya Upside Down.¹⁴⁰ Pemerintahan British tersingkir buat sementara dan Tentera Jepun telah mengambil alih kuasa tersebut. Walaupun raja-raja Melayu tidak tersingkir dari kedudukan tradisi mereka,

139. Ibid., hlm. 231-235.

140. Lihat Chin Kee Onn, Malaya Upside Down, Kuala Lumpur: Federal Publication, 1976.

tetapi status sosial dan politik merosot kerana pentadbiran Jepun tidak mempunyai dasar yang jelas terhadap peranan golongan ini, kecuali selepas 1943. Penduduk Tanah Melayu, umumnya mengalami penderitaan akibat dari peperangan tersebut.¹⁴¹ Namun begitu, seorang sarjana berpendapat bahawa, "the Japanese occupation of Malaya marked 'continuity' rather than 'interruption'".¹⁴²

Pandangan sarjana itu adalah berasas, terutama jika dilihat dari segi perkembangan politik Melayu selepas 1945. Walaupun persatuan-persatuan Melayu seperti dibincangkan di atas tidak aktif di zaman pemerintahan Jepun, tetapi mereka sudah mempunyai pengalaman yang memadai untuk bergerak aktif bermula pada 1946. Ini dapat dilihat dari reaksi orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union yang diperkenalkan oleh kerajaan British di Tanah Melayu pada tahun tersebut seperti dibincangkan secara sepintas lalu dalam Bab I yang lalu.

Persatuan-persatuan Melayu yang sama telah memberi kepemimpinan¹⁴³ utama di dalam menganjurkan Kongres Melayu Se-Tanah Melayu (1946) dan seterusnya menubuhkan United Malays National Organisation (UMNO). Ini adalah julung kalinya orang Melayu dari semua aliran fahaman politik dapat bersatu di dalam kongres dan menganggotai satu pertubuhan, iaitu UMNO. Peristiwa ini berlaku dengan restu raja-raja Melayu dan kerajaan kolonial

141. Untuk keterangan lanjut tentang kedudukan raja-raja Melayu itu, lihat Yoichi Itagaki, "Some Aspects of the Japanese Policy for Malaya Under the Occupation" dan Yoichi Itagaki & Koichi Kishi, "Japanese Islamic Policy, Sumatra and Malaya". Lihat juga Byungkuk Soh, "Malay Society Under Japanese Occupation, 1942-1945", Kertas kerja Seminar Bersama di antara Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Universiti Malaya dan Korea Institute of Southeast Asian Studies, Kuala Lumpur, 8.2.1995.

142. Byungkuk Soh, "Malay Society Under Japanese Occupation", hlm. 27.

143. Selain wakil dari semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu, terdapat juga wakil dari Singapura. Kesemuanya 41 buah. Terdapat dua pertubuhan bersifat se-Tanah Melayu, iaitu Parti Kebangsaan Melayu Malaya (PKMM) dan Pembantu Indonesia Merdeka Se-Malaya. Untuk senarai lengkap, lihat UMNO 10 Tahun, hlm. 18-22.

British. Sultan Selangor telah merasmikan pembukaan Kongres (1-4 Mac 1946) itu. Tetapi, penyatuan politik Melayu itu hanya untuk sementara sahaja. Perbincangan lanjut mengenainya akan dilakukan seterusnya.

Pemikiran politik yang mendasari perjuangan UMNO di peringkat awal penubuhannya hingga kemerdekaan tercapai (1946-1957) akan diberikan tumpuan yang utama. Ini akan dilihat berdasarkan beberapa pemikiran politik Melayu seperti yang terpancar dari pemikiran Za'ba, Kajai dan beberapa individu tertentu, serta persatuan Melayu selain UMNO, pada zaman itu.

Dato' Onn yang berasal dari golongan aristokrat negeri Johor adalah Presiden UMNO dari 1946 hingga 1951. Beliau telah diberikan tanggungjawab oleh kongres untuk menentang rancangan Malayan Union. Di bawah kepemimpinan Onn UMNO dengan rasminya lahir sebagai sebuah pertubuhan bersifat kebangsaan, iaitu memenuhi takrif pergerakan kebangsaan Melayu oleh Kajai seperti dibincangkan di atas. Kelahirannya ialah di dalam Istana Besar Johor Bahru. Apabila UMNO mempunyai benderanya, satu upacara menaikkan bendera UMNO diadakan di Pulau Pinang. Sultan Kedah telah

144. Untuk perbincangan menyeluruh mengenai kepemimpinan Onn dalam Umno, lihat Ramlah Adam, Dato' Onn Pengasas Kemerdekaan, hlm. 149-263. Lihat juga UMNO 10 Tahun, hlm. 68-78 (mengisahkan detik-detik perjuangan serta menjelaskan sebab-sebab Onn meninggalkan Umno pada Ogos 1951).

145. Di antara perkara pentingnya ialah menentang cadangan British hendak menjadikan semua negeri di Semenanjung Tanah Melayu, termasuk Melaka dan Pulau Pinang, kecuali Singapura sebagai satu kesatuan, iaitu Malayan Union. Ini bererti kuasa tradisi raja-raja Melayu terhapus. Selain itu ialah untuk menolak cadangan hendak "mengadakan taraf kerakyatan Union dengan persamaan hak kepada semua kaum". Lihat UMNO 10 Tahun, hlm. 26. Perbincangan menarik mengenai proses penggubalan Perlembagaan Malayan Union sejak 1943 dan asas-asas yang digunakan oleh British untuk melaksanakannya di Tanah Melayu pada 1946 dapat dilihat dalam tulisan Aalbert Lau, The Malayan Union Controversy.

146. UMNO lahir dalam Kongres kali ketiga di Istana Besar Johor Bahru yang dirasmikan pembukaannya oleh Tengku Mahkota Johor pada 11 dan 12 Mei 1946. Tarikh rasmi kelahiran UMNO ialah pada 11.5.1946. Di peringkat awal itu (1946) mesyuarat UMNO biasanya dirasmikan oleh sultan seperti Sultan Perak semasa bermesyuarat di Ipoh pada 29 dan 30 Jun 1946. Lihat UMNO 10 Tahun, hlm. 27 dan 39.

147

diberikan penghormatan untuk merasmikan upacara tersebut. Tempat kelahiran UMNO, serta majlis melancarkan bendera itu adalah dua peristiwa contoh yang boleh menjelaskan keikraban ikatan di antara UMNO dengan raja-raja Melayu. Inilah juga ketaatan yang dikehendaki oleh Kajai seperti dijelaskan sebelum ini.

Berhubung dengan pemikiran politik UMNO dalam sedekad kewujudannya itu, tiga aspek dalam perjuangannya akan diberikan perhatian. Ini adalah menyentuh dasarnya berhubung konsep Melayu Raya, Islam dan kerjasamanya dengan raja-raja Melayu serta kerajaan kolonial British.

Sikap UMNO terhadap konsep Melayu Raya sudah terjelus di peringkat awal penubuhannya. Kepada Dato' Onn, negara untuk bangsa Melayu ialah Tanah Melayu dan orang Indonesia berhak untuk menubuhkan negara mereka sendiri.

148

Walaupun Onn pernah menyeru supaya orang Melayu "menunjukkan kesatuan ... daripada raja-raja sampailah ke lapisan-lapisan bawah", dan

147. Upacara ini diadakan sebelum Mesyuarat Agung Umno ketiga yang diadakan di Francis Light School pada 27.7.1946. Peristiwa itu dianggap "kejadian yang harus bererti di dalam tawarikh Pulau Pinang" sebab pada 11.8.1786 Francis Light menaikkan bendera British di situ. Lihat UMNO 10 Tahun, hlm. 41-42.

148. Lihat Utusan Melayu, 6.4.1946. Dipetik dari Ramlah Adam, Dato' Onn Jaafar, hlm.80, dan Adnan Haji Nawang, "Pelita Malaya", hlm. 144 (mengutip isi ucapan Onn mengenai perkara yang sama seperti tersiar dalam akhbar Pelita Malaya, 13.5.1946).

149. Lihat ucapan Onn dalam Kongres Tergempar Umno pada 30.3.1946, UMNO 10 Tahun, hlm. 28.

puak kiri bersatu dengan puak kanan", tetapi perpecahan dalam UMNO ukar dielakkan kerana dasar pertubuhan itu terhadap Melayu Raya. Parti kebangsaan Melayu Malaya (PKMM), iaitu sebuah parti Melayu kiri yang sama-sama terlibat di dalam kongres dan bertanggungjawab menubuhkan UMNO pada 1.5.1946, telah keluar dari UMNO kerana isu bendera.

151

Corak Bendera UMNO itu ialah:

Merah dan putih (separuh-separuh). Merah di atas dan putih di bawah. Di tengah-tengah mengandungi bulatan kuning. Di dalam bulatan kuning terletak sebilah keris berwarna hijau berhunus dari kiri ke kanan (hulunya menghala ke sebelah bawah ke penjuru kanan). Merah bererti berani. Putih bererti bersih, kuning,

152

kebesaran raja-raja. Hijau, agama dan keris, pesaka Melayu.

153

PKMM di bawah pimpinan Burhanuddin Al-Helmi (1911-1969), Ahmad

-
50. Lihat Adnan Haji Nawang, "Pelita Malaya", hlm. 144. Gelaran puak kiri dan kanan itu sudah timbul pada akhir 1930-an, iaitu setelah tertubuhnya Kesatuan Melayu Muda (1938). Puak kiri ialah merujuk kepada mereka yang anti-pembesar dan raja-raja Melayu, anti-kolonial dan berfikiran progresif. Manakala kanan pula adalah seperti Onn dan UMNO. Untuk perbincangan menarik mengenai perkara ini, lihat Khoo Kay Kim, "The Malay Left 1945-1948, A Preliminary Discourse", Sarjana (Jurnal Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya), Jld. I, Bil. I, 1981, hlm.167-191.
 51. Lihat UMNO 10 Tahun, hlm. 40. Kehendak PKMM ialah bendera Sang Saka Merah Putih seperti bendera Indonesia. Untuk perbincangan lanjut tentang penarikan diri PKMM dari UMNO, lihat Ahmad Boestaman, Merintis Jalan Ke Puncak, hlm. 82-89.
 52. UMNO 10 Tahun, hlm. 40.
 53. Ia dilahirkan di Changkat Tualang, Perak. Keluarganya berasal dari Sumatra. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu, seterusnya melanjutkan pendidikan dalam bidang agama di Sungai Jambu, Sumatra (1924-1925). Berikunya memasuki pula Madrasah Al-Masyhur di Pulau Pinang (1927), iaitu sekolah Kaum Muda yang terkenal di Tanah Melayu. Kemudiannya, melanjutkan pendidikan Islam di India, iaitu di Aligra Muslim University, tetapi pernah mengikuti kursus homeopati hingga mendapat ijazah. Burhanuddin aktif dalam politik kiri seperti KMM, menjadi Presiden PKMM dan PAS. Beliau terkenal sebagai tokoh Kaum Muda yang aktif dalam politik Melayu. Untuk perbincangan lanjut, lihat Kamaruddin Jaafar (ed.), Dr. Burhanuddin Al-Helmy, Politik Melayu dan Islam, Kuala Lumpur: Yayasan Anda Sdn. Bhd., 1980, dan Zaleha Haji Hassan, "Dr. Burhanuddin Al-Helmy", Kertas kerja Seminar Biografi Malaysia, 26-28 April 1988, Institut Pengajian Tinggi, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Boestamam (1920-1983) dan Ishak Haji Muhammad adalah terkenal dengan perjuangan Melayu Raya. Perjuangan mereka ialah untuk mendapatkan kemerdekaan dengan menghalau British secara kekerasan.

Pemikiran pemimpin PKMM tentang Melayu Raya itu sama dengan pemikiran Za'ba. Walaupun Za'ba tidak terlibat lagi dengan UMNO atau dengan mana-mana parti politik sebaik kongres berakhir, tetapi corak bendera rasmi UMNO itu, jika dibandingkan dengan ciri-ciri bendera yang dikehendaki oleh Za'ba seperti dibincangkan dalam bab yang lalu, adalah ketara sekali perbezaannya, terutama dari segi pemikiran yang mendasarinya.

Satu aspek lain yang ketara perbezaannya ialah berhubung dengan kedudukan Islam. Za'ba telah memperlihatkan komitmennya kepada Islam seperti terpancar dari perbincangan dalam Bab II yang lalu. Manakala pemimpin PKMM, khususnya Burhanuddin, telah memainkan peranan penting di dalam cuba merealisasikan perjuangan Islam Kaum Muda bermula pada 1947.

Ini dapat dilihat melalui peranan yang dimainkan oleh Abu Bakar Baqir

154. Ia dilahirkan di Behrang Ulu, Perak. Nama sebenarnya ialah Abdullah Sani Bin Raja Kecil, tetapi lebih terkenal dengan nama penanya. Ia mendapat pendidikan awal di Sekolah Melayu dan melanjutkan pendidikan-nya di sekolah Inggeris, tetapi berhenti setelah gagal dalam peperiksaan Junior Cambridge (1938). Selepas itu, beliau memasuki bidang kewartawanan dan aktif dalam politik kiri seperti KMM, menjadi Ketua Angkatan Pemuda Insaf (API), sayap Pemuda PKMM, Presiden Parti Rakyat dan pernah menjadi anggota Parlimen Malaysia. Untuk perbincangan lanjut, lihat Ahmad Boestamam, Merintis Jalan Ke Puncak, dan tulisan terbaru mengenainya, Ramlah Adam, Ahmad Boestamam, Satu Biografi Politik, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1994.

155. Untuk perbincangan lanjut mengenai pemikiran politik PKMM, lihat Adnan Haji Nawang, "Pelita Malaya", hlm. 139-149. Khoo Kay Kim, "The Malay Left 1945-1948", 167-191 dan Firdaus Haji Abdullah, Radical Malay Politics, Its Origin and Early Development, Petaling Jaya: Pelanduk Publications, 1985.

(1907-?) dan Madrasah Il Ihya Assyariiff di Gunung Semanggol, Perak untuk bergiat aktif dalam politik Tanah Melayu. Akhirnya tertubuh Hizbul Muslimin pada 1948. Parti ini mempunyai program politik yang tersusun. Di antaranya ditubuhkan Pusat Perekonomian Melayu Se Malaya (Pepermas), Majlis Agama Tanahair (MATA) dan Lembaga Pendidikan Rakyat (Lepir).¹⁵⁷

Kewujudan struktur organisasi seperti itu, secara tidak langsungnya telah mencabar kedudukan UMNO, kerana ia juga mempunyai struktur seumpama¹⁵⁸ itu. Tetapi lebih penting dari itu, Hizbul Muslimin mendapat sokongan pertubuhan golongan kiri di Tanah Melayu zaman itu. Semasa penubuhannya,¹⁵⁹ wakil Muhammadiyah dan Masjumi dari Indonesia juga turut hadir.

Perkembangan itu bukan saja menggugat kedudukan UMNO, malah kerajaan kolonial British juga. Ini dapat dilihat dari sikap Onn dan berikutnya, tindak balas British terhadap parti yang berasaskan Islam. Onn, dalam rujukannya kepada kegiatan politik di Gunung Semanggol sejak pertengahan¹⁶⁰ 1947 sering menganggapnya sebagai "bahaya dari gunung". Rujukan Onn itu bermaksud bahaya yang dibawa oleh golongan kiri, komunis dan pelampau

156. Ia dilahirkan di Gunung Semanggol, Perak. Nama sebenarnya ialah Abu Bakar Bin Mohd Said Al-Baqir. Ia berasal dari keluarga yang berhijrah dari Jawa Tengah. Beliau mendapat pendidikan awal di sekolah Melayu dan melanjutkan pendidikan Islamnya di Kepala Batas dan Kuala Kangsar. Ia adalah pengasas Madrasah Il Ihya Assyariiff (1934) yang terkenal juga sebagai madrasah Kaum Muda dan pada 1940-an, beliau serta madrasahnyanya aktif dalam politik Islam bersama Burhanuddin. Lihat Nabir Haji Abdullah, Maahad Il Ihya Assyariiff Gunung Semanggol, 1934-1959, Kuala Lumpur: Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia, 1976, dan Ishak Mohd. Rejab, "Tokoh dan Pokok Pemikiran Sheikh Abu Bakar Al-Baqir", Buku Cenderamata Kenangan Jubli Emas 1984, Gunung Semanggol: Madrasah Il Ihya, t.t. [1984], hlm. 28-36.

157. Untuk perbincangan lanjut mengenai parti ini serta kegiatan politiknya, lihat Nabir Haji Abdullah, Maahad Il Ihya Assyariiff, hlm. 82-201.

158. Lihat Ramlah Adam, UMNO: Organisasi dan Kegiatan Politik, hlm. 68-69 dan Nabir Haji Abdullah, Maahad Il Ihya Assyarif, hlm. 122-123.

159. Lihat Khoo Kay Kim, "The Malay Left 1945-1948", hlm. 175-179.

160. Lihat Nabir Haji Abdullah, Maahad Il Ihya Assyarif, hlm. 123.

Islam. Akhirnya British telah mengistiharkan Darurat di Tanah Melayu pada 161
 Jun 1948 dengan tujuan untuk menentang Parti Komunis Malaya, tetapi
 ramai pemimpin kiri Melayu seperti Ahmad Boestaman, Ishak, Abu Bakar Baqir,
 Burhanuddin dan lain-lain ditangkap dan dipenjarakan. Dengan itu parti kiri
 Melayu mengalami kemerosotan. Hanya UMNO dibenarkan bergerak. Namun begitu
 pada 1951, terlahir pula Parti Islam Se-Tanah Melayu (PAS) dari kalangan
 ulama UMNO sendiri, kerana rasa tidak puas hati mereka terhadap dasar
 162
 Islam parti tersebut.

Seperti dijelaskan lebih awal, British telah mendefinisikan politik
 Tanah Melayu selepas 1946 hingga 1957. Darurat adalah satu kaedah berkesan
 untuk mencapai matlamat tersebut. Dalam perkembangan seterusnya, walaupun
 Onn memimpin UMNO setakat 1951, tetapi penggantinya, Tunku Abdul Rahman
 163
 (1903-1990) adalah calon yang lebih baik dari Onn untuk memimpin orang
 Melayu. Ini diakui oleh Onn dengan berkata, iaitu:

[P]ertubuhan kebangsaan Melayu yang diperanakkan di Istana Besar
 Johor Bahru pada 11 haribulan Mei 1946, iaitu di istana raja,
 maka dengan sebab itu telah berpadanan pula Yang Dipertua ini

161. Perbincangan dari berbagai aspek mengenai Darurat di Tanah Melayu (1948-1960) dapat dilihat dari sembilan rencana termuat dalam Khoo Kay Kim & Adnan Haji Nawang (eds.), Darurat 1948-1960, Kuala Lumpur: Muzium Angkatan Tentera, 1984.
162. Untuk perbincangan mengenai PAS di peringkat awal penubuhannya, lihat Safie Ibrahim, The Islamic Party of Malaysia.
163. Beliau dilahirkan dalam keluarga diraja Kedah. Ia mula mendapat pendidikan bahasa Melayu dan Inggeris sejak berumur empat tahun. Kemudian, memasuki sekolah Inggeris dan bersekolah di Siam, tempat lahir ibunya. Sekembalinya, beliau memasuki pula sekolah Inggeris di Pulau Pinang dan ketika berumur 19 tahun, melanjutkan pelajaran ke England dan mendapat ijazah Sarjana Muda Sastera. Ia memasuki perkhidmatan tadbir Negeri Kedah dan selepas itu melanjutkan pelajaran dalam bidang undang-undang di London. Beliau pernah menjadi Pendakwa Raya sebelum aktif dalam politik UMNO. Beliau adalah Perdana Menteri Malaysia pertama. Lihat Abdul Aziz Ishak, Wan Kim Cheong & Tan Kah Jee, The Architect of Merdeka, Singapore: Tan Kah Jee, 1957; Harry Miller, Prince and Premier, A Biography of Tunku Abdul Rahman Putra, (1st. Ed. 1959), Singapore: Eastern University Press, 1982 dan; T.H. Tan, The Prince and I, Singapore: Sam Boyd Enterprise, 1979.

keturunan dari darah raja.

Tunku dan UMNO, dengan sokongan raja-raja Melayu, serta kerjasama British dan orang bukan Melayu telah berjaya mencapai kemerdekaan Tanah Melayu pada 1957. Kerjasama yang sama telah berlaku di zaman Onn. British bersetuju menggantikan Perlembagaan Malayan Union dengan Perlembagaan Federation of Malaya pada 1948.¹⁶⁵ Ini diterjemahkan secara "a strict translation"¹⁶⁶ sebagai Persekutuan Tanah Melayu (PTM). Dengan kelahiran PTM, proses pemberian kerakyatan kepada orang bukan Melayu sudah bermula. Mereka dapat menjadi rakyat Malaya dan orang Melayu sebagai rakyat Tanah Melayu. Mungkin itulah tujuan di sebalik maksud "a strict translation" itu.

Percaturan politik British amat halus. Mereka juga mempunyai suatu sense of fair play dalam menyelesaikan masalah politik Tanah Melayu. Pada 1874 dahulu British mengambil kuasa dari raja-raja Melayu, pada 1957 kuasa yang sama diserahkan kepada raja-raja juga. UMNO hanyalah mengambil alih peranan politik dan pentadbiran kolonial itu.

Jika dilihat dari sudut pemikiran politik Kajai, konsep kebangsaan Melayunya hanya separuh tercapai, kerana konsep bangsa Melayu UMNO adalah mencakupi kesemua orang Melayu seperti konsep bangsa Melayu Za'ba. Tetapi, dari segi memisahkan politik dengan Islam, cita-cita Kajai sudah menjadi kenyataan apabila Perkara VI dalam Perjanjian Pangkor (1874) seperti dibincangkan dalam Bab II yang lalu, masih menjadi teras yang mendasari

164. Lihat UMNO 10 Tahun, hlm. 72.

165. Untuk perbincangan lanjut tentang peranan Onn dan UMNO dalam proses perundingan tersebut, lihat Mohamed Noordin Sopiee, From Malayan Union to Singapore Separation, hlm. 30-55 dan; Albert Lau, The Malayan Union Controversy, hlm. 212-249.

166. Lihat R.H.Hickling, An Introduction To The Federal Constitution, Kuala Lumpur: Malaysian Law Publishers, 1985, hlm.9.

Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu 1957. Cita-cita Za'ba untuk mewujudkan Melayu Raya telah gagal. Di sepanjang hayatnya, Za'ba juga tidak sempat melihat Islam menjadi teras kebangsaan Melayu seperti terpancar melalui pemikiran Islam beliau serta Bendera Kebangsaan Melayunya.

Rumusan

Za'ba telah menyumbangkan tenaga dan fikirannya untuk berbakti kepada masyarakat Melayu dan Muslim di negaranya. Beliau faham erti kolonialisme dan imperialisme dan ia juga sedar akan kedudukan dan peranan yang dimainkan oleh para pembesar dan raja-raja Melayu selaku kolaborator British di Tanah Melayu. Terlebih penting dari itu, Za'ba juga sedar akan kesan yang menimpa masyarakat seluruhnya.

Di atas kesedaran inilah Za'ba menawarkan khidmat baktinya. Beliau berjanji pada dirinya untuk berusaha "mencari kemajuan bangsa" seperti dijelaskan di awal kajian ini. Dengan itu beliau terlibat secara aktif dalam penulisan akhbar, majalah dan kemudiannyaa menerbitkan buku.

Sungguhpun di peringkat awal kegiatan penulisannya, pemikiran beliau mengenai berbagai masalah yang dihadapi oleh bangsanya diluahkan secara penuh emosi, tetapi luahan perasaan itu mempunyai asasnyaa. Bahasa Melayu

167. Ini adalah merujuk kepada peranan raja-raja Melayu dalam hubungan mereka dengan Islam. Di setiap negeri di Semenanjung Tanah Melayu, kecuali Melaka, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak (1963) serta Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (1974), raja-raja Melayu adalah Ketua Agama Islam, manakala Yang Dipertuan Agung adalah Ketua Agama Islam di negeri-negeri yang lain. Di setiap negeri terdapat Majlis Agama Islam masing-masing untuk menasihati raja-raja Melayu. Lihat Mohamed Suffian Hashim, An Introduction to the Constitution, hlm. 43. Hukum Islam di Tanah Melayu kuat dipengaruhi oleh undang-undang British. Lihat Ahmad Ibrahim, "Kedudukan Hukum Islam Dalam Masyarakat Melayu", Islam dan Kebudayaan Melayu, hlm. 142-161.

berada dalam keadaan yang sangat mundur. Begitu juga dengan pendidikan, ekonomi dan politik Melayu dan Muslim di Tanah Melayu.

Semasa Za'ba aktif menulis berpuluh-puluh rencana, terutama di peringkat awal kegiatan penulisan (1916-1923), umurnya adalah dalam lingkungan dua puluhan sahaja. Masalah yang dihadapi oleh bangsanya adalah sangat kompleks. Ini menuntut kefahaman yang lebih dari sekadar bertindak secara emosional. Za'ba mengatasinya dengan banyak membaca. Proses mencari penyelesaian tersebut mendedahkannya kepada gerakan Islam seperti dijelaskan sebelum ini.

Ini mengukuhkan lagi komitmen Za'ba untuk membela maruah bangsanya yang bukan saja tertakluk oleh kuasa asing, tetapi terpinggir dari arus kemajuan, sama ada dari segi rohani atau jasmaninya. Menurut Za'ba, masyarakat Melayu perlu memahami konsep ijtihad yang sebenar, iaitu seperti yang diajarkan oleh Islam. Mereka juga diseru supaya berjihad ke arah memajukan diri dengan matlamat akhir untuk membebaskan Melayu dan Muslim dari sebarang cengkaman hidup di dunia dan di akhirat. Ini telah dibincangkan dalam Bab II yang lalu.

Berdasarkan ijtihad dan jihad inilah Za'ba meneruskan perjuangannya. Walaupun beliau menghadapi berbagai tekanan, sama ada dari pihak raja-raja atau British (termasuk peranan yang dimainkan oleh Abdul Majid Zainuddin), tetapi Za'ba cikal menghadapinya. Perjuangan beliau untuk memajukan orang Melayu dan Muslim, seperti dalam aspek pendidikan, bahasa Melayu, ekonomi dan politik, tetap diteruskan. Ini menjangkau hampir separuh abad lamanya.

Za'ba memahami kepentingan media massa. Walaupun Al-Imam telah memulakan tradisi keterbukaan di dalam membicarakan berbagai masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dan Islam, tetapi Za'ba telah memperkukuhkan lagi tradisi tersebut sejak akhir 1916. Tradisi itu diikuti oleh akhbar dan majalah Melayu bermula pada awal 1920-an. Dengan penglibatan langsung

media massa dalam membahas, menghurai dan membuat saranan-saranan berguna dalam usaha mencari penyelesaian kepada berbagai masalah yang dihadapi oleh Melayu dan Muslim, maka Za'ba tidaklah keseorangan lagi di dalam perjuangannya.

Za'ba juga bergerak melalui organisasinya. Sheikh Tahir Jalaluddin dan Syed Sheikh Al-Hadi yang mengasaskan Al-Imam (1906-1908) dahulu, masih aktif bersamanya. Di samping itu, Za'ba mempunyai hubungan yang rapat dengan guru-guru Melayu dan wartawan Melayu. Ini menjadikan pemikiran Za'ba bukan saja tersiar dalam akhbar dan majalah Melayu serta sebilangan kecil akhbar berbahasa Inggeris, tetapi turut mempengaruhi dasar perjuangan organisasi yang diwujudkan di zaman tersebut, iaitu sama ada yang diasaskan oleh Za'ba sendiri atau pun oleh guru-guru Melayu dan golongan lain juga.

Gerakan seumpama itu, sukar dihancurkan oleh pihak berkuasa. Ini membezakan Za'ba dengan Abdul Majid Zainuddin kerana Abdul Majid hanya mempunyai kuasa melalui kerjayanya sebagai anggota Cawangan Khas Polis, manakala Za'ba mempunyai prasarana yang tersusun di dalam meneruskan perjuangannya.

Za'ba bukanlah satu-satunya individu yang aktif memperkatakan berbagai-bagai masalah yang dihadapi oleh Melayu dan Muslim di Tanah Melayu. Ramai individu serta golongan lain terlibat di dalam kegiatan tersebut. Ini bermula dengan Abdullah Munshi hingga zaman Al-Imam (Syed Sheikh Al-Hadi dan Sheikh Tahir Jalaluddin). Tetapi kedua-dua tokoh Kaum Muda itu berterusan memperjuangkan idealisme mereka bersama Za'ba kemudiannya. Ketika itu muncul pula Syed Alwi Al-Hadi, S.M. Zainal Abidin, Muhammad Zain Ayob, Muhammad Yusof Ahmad dan Muhammad Bin Dato' Muda Linggi. Pada akhir 1920-an hingga 1950-an, lahir pula Abdul Rahim Kajai, Ibrahim Yaakob, Ishak Haji Muhammad, Ahmad Boestamam, Burhanuddin Helmy, Abu Bakar Baqir, Onn Jaafar dan Tunku Abdul Rahman dengan kegiatan dan aliran pemikiran masing-masing.

Perjuangan untuk mencari kemajuan Melayu dan Muslim amatlah kompleks. Tetapi Za'ba mempunyai wawasannya sendiri. Pendekatan beliau adalah berteraskan kepada suatu kerangka pemikiran yang jelas dan tegas, iaitu Islam. Za'ba mempunyai keyakinan yang teguh terhadapnya. Islam adalah ad-din, iaitu bersesuaian dengan kehidupan di dunia dan akhirat, dan bukan membezakan di antara Islam (hal keagamaan) dengan hal keduniaan (sekular).

Namun begitu, British masih mempunyai agenda politiknya sendiri. Walaupun pemikiran reformis Islam Kaum Muda seperti terpancar melalui perjuangan Za'ba dan ramai individu lain serta organisasi seperti Hizbul Muslimin masih aktif pada akhir 1940-an, dan PAS sudahpun tertubuh pada awal 1950-an, tetapi, meminjam pendapat Taufik Abdullah, "a revolution in Islamic political thinking has not been achieved"¹⁶⁸ di Tanah Melayu hingga kemerdekaan tercapai.

168. Lihat Taufik Abdullah, "The Formation of a Political Tradition in the Malay World", Anthony Reid (ed.), The Making of an Islamic Political Discourse in Southeast Asia (Monash Papers on Southeast Asia - No. 27), Victoria: Centre of Southeast Asian Studies, Monash University, 1993, hlm. 39 (rujukan beliau ialah kepada pengalaman gerakan Kaum Muda di Indonesia dari 1920-an hingga 1940-an).